05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESEDIAAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN MAYA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KUALA SELANGOR

ROSNITA BINTI MAT AIL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESEDIAAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN MAYA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KUALA SELANGOR

ROSNITA BINTI MAT AIL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan) JULAI (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, ROSNITA BINTI MAT ALI, M20171000872, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESEDIAAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN MAYA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KUALA SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. DR. AMIR HASAN BIN DAWI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESEDIAAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN MAYA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KUALA SELANGOR (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

28/7/2020
Tarikh

Tandatangan Penyelia
PROFESOR DR. AMIR HASAN BIN DAWI
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: KESEDIAAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN MAYA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KUALA SELANGOR

No. Matrik /*Matric No.*: **M20171000872**

Saya / *I* : **ROSNITA BINTI MAT AIL**

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 21/7/2020

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

PROFESOR DR AMB[illegible]
FAKULTI PEMB[illegible]
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dariNya, penulisan disertasi ini dapat disiapkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Prof. Dr. Amir Hasan Dawi selaku penyelia yang tidak lokek ilmu dan masa beliau untuk memberi tunjuk ajar. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang banyak membantu untuk menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada semua kakitangan Fakulti Pembangunan Manusia dan Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang telah memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat dan bantuan teknikal yang diperlukan. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada suami tercinta Mohd Yusnor Bin Mohd Yusof yang sentiasa menyokong dari semua sudut, serta anak-anak Mohd Zulqarnain dan Ardini Aeshah yang sentiasa menjadi inspirasi. Tidak dilupakan sahabat Hasnah Abdul Kadir dan seluruh kaum keluarga serta sahabat handai yang sentiasa mendoakan kejayaan ini. Hanya Allah jua yang mampu membalas segala kebaikan. Terima Kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan terhadap penggunaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru sekolah rendah daerah Kuala Selangor. kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan jantina dan jenis sekolah. Model Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT) oleh Venkatesh (2003) telah digunakan dalam kajian ini. Pembolehubah-pembolehubah yang dikenalpasti dalam mempengaruhi kesediaan guru terhadap penggunaan Pembelajaran Maya berdasarkan model UTAUT ialah Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan. Seramai 322 Sampel telah dipilih secara rawak dari kalangan guru-guru sekolah rendah daerah Kuala Selangor iaitu 235 guru SK, 41 guru SJKC dan 46 guru SJKT. Instrumen soal selidik telah digunakan dan dianalisis secara analisis deskriptif dan inferensi iaitu korelasi. Keputusan kajian mendapati guru-guru bersedia untuk menjalankan pembelajaran maya di sekolah (min=3.36). Mereka merasakan kaedah pembelajaran ini senang digunakan (min 3.00) dan mampu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran mereka (min=3.10), namun kesediaan mereka juga dipengaruhi oleh kehendak sosial (min=3.37) dan mereka juga terbatas oleh kekangan kemudahan peralatan dan kelengkapan fizikal (min=3.13). Implikasi dari kajian ini ialah pembelajaran maya patut diteruskan dengan beberapa penambahbaikan seperti pembekalan internet yang lebih baik, peralatan fizikal yang mencukupi serta antara muka aplikasi pembelajaran maya yang lebih mesra pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

READINESS TOWARDS THE USE OF VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT AMONG TEACHERS OF KUALA SELANGOR DISTRICT

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the readiness level in implementing virtual learning among primary school teachers of Kuala Selangor District. The study is looking at the relationship between the readiness and the gender as well as the type of schools. The Unified Theory of Acceptance and Use Of Technology (UTAUT), Venkatesh (2003) has been used in this study. The variables involved were Performance Expectancy, Effort Expectancy, Social Influence and Facility Influence. 322 samples were picked randomly from primary schools in Kuala Selangor with 235 of them were from SK, 41 from SJKC and 46 from SJKT. The data was collected using questionnaires and was analysed using SPSS. The analysis method used were the descriptive analysis and correlation analysis. The results showed that the teachers were ready into virtual learning (min=3.361), they agreed that the teaching method was easy to use (min=2.998) and very useful in enhancing their teaching performance (min=3.097) but at the same time they were influenced by social environment (min=3.364) and restricted by the lacking in the physical support (min3.133). It is suggested that virtual learning in school should be continued with some improvement in certain area such as better internet supply, ample physical equipment and a more user-friendly virtual learning application interface in order to ensure the success of the programme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGHARGAAN		**iv**
ABSTRAK		**v**
ABSTRACT		**vi**
KANDUNGAN		**vii**
SENARAI JADUAL		**xii**
SENARAI RAJAH		**xiv**
SENARAI SINGKATAN		xv
SENARAI LAMPIRAN		**xvi**
BAB 1	**PENGENALAN**	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latarbelakang kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	15
	1.7.1 Kepada Pihak Penyedia Dasar Sebagai Maklum Balas Keberhasilan Dasar	15
	1.7.2 Kepada Guru Supaya Dapat Membuat Hubungkait Dengan Pencapaian Pelajar	16
	1.7.3 Mengenalpasti Masalah Dan Penyelesaian	17
	1.7.4 Kepentingan Kepada Pihak Luar	17

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.5 Kepentingan kepada bidang sosiologi pendidikan 18

1.8 Batasan kajian 18

1.9 Kerangka Konseptual 19

1.10 Definisi Operasi 24

1.10.1 Pembelajaran Maya 24

1.10.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM) 24

1.10.3 Model UTAUT 25

1.10.4 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) 26

1.11 Kesimpulan 26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 27

2.2 Teori Sosiologi Konflik 28

2.3 Perubahan Pendidikan Di Malaysia 32

2.4 Sekolah Rendah Di Malaysia 34

2.5 Kajian Lepas Tentang Kesediaan Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan 37

2.6 Model UTAUT 39

2.6.1 Faktor Jangkaan Pretasi dan Jangkaan Usaha 40

2.6.2 Faktor Pengaruh Sosial 41

2.6.3 Faktor Keadaan Kemudahan 44

2.7 UTAUT dalam pelbagai bidang 47

2.8 UTAUT dalam bidang pendidikan 48

2.9 Persekitaran Pembelajaran Maya 49

2.9.1 Paparan antara muka VLE Frog 50

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.2 Penetapan KPI VLE Frog 54

2.10 kesimpulan 57

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 58

3.2 Rekabentuk Kajian 59

3.3 Populasi kajian 59

3.3.1 Populasi kajian 59

3.3.2 Sampel kajian 60

3.4 Instrumen kajian 62

3.4.1 Soal selidik 62

3.5 Kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen 64

3.6 Prosedur kajian 65

3.7 Analisis data 66

3.8 Kesimpulan 67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 68

4.2 Analisis soalan kajian 70

4.3 Analisis Sampel 73

4.4 Analisis Demografi 73

4.5 Ujian Kenormalan 75

4.6 Tahap penerimaan dan kesediaan penggunaan pembelajaran maya 76

4.6.1 Faktor Jangkaan Prestasi 77

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.2 Faktor Jangkaan Usaha 81

4.6.3 Faktor Pengaruh Sosial 84

4.6.4 Faktor Keadaan Kemudahan 88

4.6.5 Faktor Kesediaan 92

4.7 Analisis Korelasi dan Pengujian Hipotesis 94

4.7.1 Hubungan antara kesediaan pembelajaran maya dan pembolehubah 95

4.7.2 Hubungan antara kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru lelaki 97

4.7.3 Hubungan antara kesediaan pembelajaran maya dan pembolehubah dalam kalangan guru wanita 99

4.7.4 Hubungan antara kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan 100

4.7.5 Hubungan antara kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina 103

4.7.6 Hubungan antara kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil 104

4.8 Kesimpulan 110

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 111

5.2 Perbincangan Hasil kajian 112

5.2.1 Tahap kesediaan guru 114

5.2.2 Hubungan antara tahap kesediaan dan jenis sekolah 116

5.2.3 Hubungan tahap kesediaan dan jantina 117

5.3 Implikasi dan Cadangan Kajian 118

5.3.1 Teori UTAUT 118

5.3.2 Elemen Sosiologi 119

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Menangani konflik 123

5.3.4 Pelaksanaan Pembelajaran maya pada masa akan datang 124

5.4 Cadangan Kajian lanjutan 126

5.4.1 Skop kajian yang lebih besar 126

5.4.2 kajian pembandingan bandar dan luar bandar 127

5.4.3 Perbandingan antara pelbagai jenis sekolah 127

5.4.4 Perbandingan kesediaan atau penggunaan pembelajaran antara etmik 128

5.4.5 Kajian Secara Kualitatif 128

5.4.6 Kajian tentang pembelajaran maya dari aspek lain 129

5.4.7 Kajian tentang konflik dalam kalangan guru-guru menggunakan teori sosiologi 129

5.5 Rumusan 130

RUJUKAN 133

LAMPIRAN 139

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Jadual Tahap Keamatan Konflik	30
3.1	Bilangan guru di Kuala Selangor mengikut jenis sekolah	60
3.2	Jadual Penentuan Jumlah sampel Kretcjie & Morgan	61
3.3	Populasi dan sampel kajian	62
3.4	Jadual ketekalan Alpha Cronbach	65
4.1	Soalan kajian dan analisis statistik yang digunakan	72
4.2	Jumlah dan peratus sampel mengikut jenis sekolah	74
4.3	Pecahan sampel mengikut umur	74
4.4	Taburan sampel mngikut jantina	75
4.5	Ujian Kenormalan Kalmogorov dan Smirnov	75
4.6	Interpretasi skor min	77
4.7	Faktor Jangkaan Prestasi	78
4.8	Tahap Jangkaan Prestasi	79
4.9	Faktor Jangkaan Usaha	82
4.10	Tahap Jangkaan Usaha	83
4.11	Faktor Pengaruh Sosial	85
4.12	Tahap Pengaruh Sosial	86
4.13	Faktor Kemudahan	89
4.14	Tahap Faktor Kemudahan	90
4.15	Tahap Kesediaan	95
4.16	Nilai Min Untuk Setiap Pembolehubah	93
4.17	Keputusan Keseluruhan Pembolehubah	94

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.18 Korelasi Keseluruhan 95

4.19 Hubungan Tahap Kesediaan Dengan Guru Lelaki 98

4.20 Hubungan Tahap Kesediaan Dengan Guru Wanita 100

4.21 Hubungan Tahap Kesediaan Dengan Guru Sekolah Kebangsaan 102

4.22 Hubungan Tahap Kesediaan Dengan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina 103

4.23 Hubungan Tahap Kesediaan Dengan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil 105

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Model UTAUT	20
1.2	Kerangka konseptual	21
2.1	Antaramuka VLE Frog 1	51
2.2	Antaramuka VLE Frog 2	52
2.3	Antaramuka VLE Frog 3	52
2.4	Antaramuka VLE Frog 4	53
2.5	Penetapan KPI penggunaan VLE Frog	56
3.1	Prosedur kajian	66
4.1	Hubungan Antara Jangkaan Prestasi Dan Kesediaan Pembelajaran Maya	106
4.2	Hubungan Antara Jangkaan Usaha Dan Kesediaan Pembelajaran Maya	107
4.3	Hubungan Antara Faktor Sosial Dan Kesediaan Pembelajaran Maya	108
4.4	Hubungan Antara Faktor Kemudahan Dan Kesediaan Pembelajaran Maya	109
5.1	Strategi Pembelajaran Professional Di Sekolah	124

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

EPRD	Educational Planning and Research Division
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPI	Key Performance Index
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAK 21	Pendidikan Abad ke 21
PDP	Pengajaran dan pembelajaran
PM	Pembelajaran Maya
PPD	Penjabat Pendidikan Daerah
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Dalam Bahasa Inggeris
SPSS	Statistical Package for Social Science
TAM	Technology Acceptance Model
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UTAUT	Unified Theiry of Acceptance and Use of Technology
VLE FROG	Virtual Learning Environmennt Frog

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Surat pengesahan status pelajar

B Surat pengesahan EPRD

C Surat kebenaranJPN

D Surat Pengesahan pakar

E Instrumen soal selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu pelan strategik jangka panjang yang mensasarkan kualiti pendidikan negara dipertingkatkan dalam tempoh 13 tahun dengan pelaksanaan tranformasi pendidikan secara menyeluruh. Lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid telah dikenalpasti sebagai pemangkin untuk memacu kecemerlangan pendidikan negara pada masa hadapan. Antara keberhasilan daripada pelaksanaan transformasi pendidikan ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk meletakkan negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tempoh 15 tahun (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Justeru, pelajar perlu bersedia fizikal dan mental mereka menuju ke arah globalisasi dalam pendidikan. Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi adalah sangat penting supaya pelajar memiliki kemahiran berfikir kreatif, kritis dan inovatif, mampu melahirkan idea-idea baru yang segar dan berkesan serta mampu bersaing dengan pelajar-pelajar lain pada peringkat global. Mereka tidak hanya perlu menguasai subjek asas seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, sejarah dan geografi, malah perlu mahir dalam pengetahuan dan kemahiran inovasi serta berfikiran kreatif dan kritis. Justeru penguasaan dalam bidang media dan teknologi informasi, kemahiran hidup dan kemahiran sosial adalah sangat penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam menentukan kemenjadian pelajar pada hari ini dan akan datang, semestinya individu yang bertanggungjawab adalah guru-gurunya. Disokong oleh bahan bantu pembelajaran yang berkesan, pasti pelajar akan mampu mendepani cabaran dan mencapai objektif yang dihajatkan (Alharbi, 2013). Demi memikul tanggunjawab ini, guru-guru haruslah mempersiapkan diri dengan ilmu serta kemahiran dalam pelbagai bidang berkaitan. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dalam ucapannya bertajuk Penggerak Pembelajaran Bermakna menyenaraikan tiga aspek profesionalime guru iaitu autonomi, jaringan hubungan dan haruslah berasaskan ilmu pengetahuan. Ini menunjukkan dewasa ini guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran terkini untuk terus tampil mampan. Sistem pembelajaran secara permbelajaran teradun harus dilaksanakan supaya pelajar dapat didedahkan dengan penggunaan internet dan teknologi multimedia selain dari pembelajaran secara tradisional (Ali, 2004). Ini supaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran hari ini selari dengan perkembangan revolusi pendidikan semasa dan global.

Untuk mendepani cabaran ini, guru secara berterusan perlu mengemaskini pengetahuan dan kompetensi supaya kekal relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Dalam hal ini, guru tidak terkecuali terlibat secara langsung dalam kaedah pembelajaran yang semakin popular iaitu pembelajaran maya Frog atau VLE Frog dalam penyampaian instruksional mereka. Telah banyak kajian-kajian lepas yang telah dijalankan untuk mengkaji kesediaan guru dalam pelaksanaan pembelajaran maya terutamanya VLE Frog. Bagaimanapun kajian ini seterusnya akan mengkaji kesediaan guru dalam pelaksanaan VLE Frog selepas 6 tahun program ini dilaksanakan dan dijangka kontrak tersebut bakal tamat pada 2019. Kajian ini diharapkan dapat memberi input terkini kepada situasi pembelajaran hari ini tentang pembelajaran maya dan seterusnya memberikan cadangan dan sokongan yang sesuai kepada pihak penggubal dasar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian di Afrika oleh Wentzel, Diatha, & Yadavalli (2013) telah mendapati bahawa penggunaan e-perkhidmatan semakin berkembang dan meluas dalam pelbagai bidang. Justeru, anak-anak di zaman ini perlu dilengkapkan dengan kemahiran pembelajaran maya sedari awal lagi. Di kebanyakan negara, persekitaran pembelajaran maya telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mula digunakan secara meluas. Di Turki, persekitaran pembelajaran maya telah dilaksanakan di universiti, kolej, malahan sekolah-sekolah (Tokel, 2015). Di Hong Kong pula teknologi pendidikan telah dilihat sebagai sangat penting untuk meningkatkan perkembangan sokongan pendidikan dalam kalangan guru-guru terutamanya di sekolah rendah (Wong, 2016). Di Malaysia, penyedia pembelajaran maya yang di luluskan oleh kerajaan ialah 1BestariNet. Ia adalah projek yang diinisiatifkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dilaksanakan dengan kerjasama syarikat YTL Communications. Di bawah projek ini, sebanyak 10,000 buah sekolah rendah dan menengah di Malaysia telah dilengkapkan dengan akses internet berkelajuan tinggi 4G dan platform pembelajaran maya yang menyediakan sambungan internet berkelajuan tinggi serta akses kepada Penyelesaian Pembelajaran Bersepadu. Di bawah projek 1BestariNet, sekolah-sekolah akan dilengkapkan dengan penyelesaian bersepadu yang membolehkan pengajaran, pembelajaran, kolaborasi dan pentadbiran dijalankan secara atas talian. Ia akan dijalankan melalui Persekitaran Pembelajaran Maya (Frog VLE), yang boleh diakses di sekolah atau di mana juga, dengan adanya sambungan internet. Pelancaran Frog VLE bermula pada Mac 2012 dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan dijangka tamat pada 2019. (Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri,2018)

Laman Komuniti Frog yang disediakan dalam Frog VLE pula adalah satu ruang untuk memberi sokongan kepada guru-guru melalui penyediaan tutorial video, buku panduan latihan serta buku panduan pengguna yang dapat membantu mereka memahirkan diri dengan kemahiran baru Frog. Di Laman Komuniti Frog, guru-guru boleh mendapatkan idea-idea baru serta berkongsi amalan terbaik dan cerita-cerita kejayaan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

behubung dengan para pendidik lain di seluruh negara. Mereka juga boleh mencari kumpulan berdasarkan subjek yang diminati, atau membuat kumpulan sendiri, menjemput guru-guru lain untuk menyertai kumpulan, membuat blog, menghantar mesej dan terlibat dalam forum. Lebih daripada itu, Laman Komuniti Frog turut menyediakan sumber dan material lain sebagai bekalan dan inspirasi untuk golongan pendidik. Frog Asia (2012)

Sementara itu bagi pelajar pula, terdapat portal pelajar yang boleh diakses melalui Frog VLE dan ia menyediakan sumber-sumber yang boleh dipelajari oleh pelajar dan membantu mereka untuk memacu penggunaan Frog VLE di kalangan sesama pelajar. Pelajar juga berpeluang untuk menyertai pertandingan, melayari pautan pendidikan, video, permainan dan tip-tip, serta mengetahui tentang perkembangan pendidikan semasa melalui laman ini (BTPN, 2012)

Perkaitan Teori Sosiologi dan Kesediaan Teknologi

Sosiologi merupakan kajian terhadap hubungan sosial dan pengaruhnya terhadap tingkahlaku dan sikap manusia. Ia juga mengkaji stratifikasi sosial serta interaksi sesama mereka (Najeemah, 2010). Ahli sosiologi seperti Emile Durkheim dan Aguste Comte menerusi teori Fungsionalisme menerapkan bahawa setiap individu akan membentuk struktur masyarakat dan menjalankan fungsi masing-masing secara harmonis. Namun konflik selalunya terjadi apabila dalam melayari kehidupan, terdapat sumber-sumber

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang terhad dan akses kepada sumber tersebut menjadi terbatas. Konflik juga terjadi apabila sesuatu perubahan yang berlaku terlalu mendadak menyebabkan cara kerja yang lama tidak dapat digunakan lagi sedangkan cara kerja baharu pula masih belum jelas sehingga ramai dikalangan masyarakat hilang arah tuju, kabur bahkan bercelaru (Rasyid, 2015). Ideologi ini menjadi asas tercetusnya teori konflik oleh Karl Marx, seterusnya Weber dan beberapa tokoh lagi selepas mereka.

Teori konflik dalam pendidikan dapat dikaitkan apabila terdapat sesuatu perubahan dalam pendidikan dan ia terjadi secara mendadak.Teori Konflik dalam pendidikan juga adalah cerminan kepada pengekalan status quo di mana pekerja kelas bawah akan sentiasa menjadi agensi pelaksana dalam mengaplikasikan sesuatu dasar kerajaan. Dapat jelas dilihat apabila kementerian mengeluarkan sesuatu dasar, guru-guru di sekolah terpaksa melaksanakan arahan tanpa pengecualian. Hirarki kerja dari kementerian, jabatan dan pejabat pendidikan sebelum ke sekolah mewujudkan masalah dari segi karenah birokrasi yang pelbagai dari pelbagai peringkat (Othman Ab Rahman, Salhah Abdullah, Vinathan, 2016). Sama halnya dalam pelaksanaan aplikasi pembelajaran maya di sekolah. Arahan dari kementerian ini boleh dilihat sebagai suatu konflik yang sedang berlegar dalam kalangan guru dewasa ini. Bagaimanakah guru-guru menangani situasi ini dan mengadaptasinya ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran lama yang telah mereka sedia amalkan menjadi suatu persoalan. Timbul juga persoalan bersediakah guru-guru menghadapi perubahan ini serta apakah reaksi dan tinngkahlaku mereka dalam menghadapi konflik ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam kajian ini, teori konflik dengan jelas dapat dilihat perkaitannya dengan pembolehubah yang ketiga dan keempat iaitu Faktor Pengaruh Sosial dan Faktor Kemudahan. Faktor Pengaruh Sosial melihat kepada fungsi pihak-pihak tertentu di dalam mempengaruhi penggunaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru. Sementara Faktor Kemudahan pula melihat fungsi kemudahan persekitaran dan akses kepada sumber-sumber seperti internet dan kelengkapan TMK untuk menjalankan pembelajaran maya. Dalam proses ini konflik berlaku apabila dalam menjalankan tanggungjawab yang di amanahkan oleh pihak atasan seperti kementerian serta jabatan pendidikan, keinginan guru untuk menggunakan teknologi ini dibatasi dengan kekurangan-kekurangan yang mereka terpaksa hadapi akibat kedaifan sumber teknologi yang ada. Keterbatasan dalam mendapatkan akses kepada kemudahan fizikal ini penghalang kepada usaha guru seterusnya menjadi konflik yang menular dalam kalangan guru-guru pada masa kini.

.

1.3 Pernyataan Masalah

Secara umumnya kajian ini membekalkan informasi tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi di kalangan guru-guru daerah Kuala Selangor. Secara lebih spesifiknya pula kajian ini menyiasat faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan penggunaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di dalam daerah Kuala Selangor dengan mengambilkira faktor Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam satu kajian yang dijalankan terhadap beberapa pendidik dan pelajar oleh Alkhateeb et al (2014), mendapati pembelajaran maya dapat menyediakan kepelbagaian kepada aktiviti sedia ada. Ianya adalah sangat berkesan dalam menggerakkan motivasi dalaman pelajar untuk meneroka lebih jauh lagi. Pelajar menjadi lebih terbuka dan matang. Sementara bagi pendidik pula, mereka akan mempunyai lebih banyak bahan bantu dan dapat memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain itu penyampaian pelajaran akan menjadi lebih mudah dan menjimatkan kos dengan adanya pembelajaran maya ini. Pelajar tidak perlu berada disekolah pada setiap masa, guru pula tidak perlu lagi mencetak bahan-bahan untuk tatapan pelajar, pelajar hanya perlu melawat laman web yang disediakan untuk membuat latihan dan sebagainya (Ali, 2004). Selain itu, penggunaan internet dan multimedia dalam pembelajaran juga mampu membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan membina keyakinan pelajar (Hyvonen & Louise, 2004)

Namun, terdapat juga kelemahan-kelemahan pembelajaran maya ini yang menjadi halangan kepada pelaksanaannya dalam kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah. Gillespie (2006) dalam bukunya telah menyenaraikan beberapa halangan dalam pelaksanaan teknologi maklumat dalam pendidikan. Antaranya ialah kekurangan perkakasan dan sumber serta sokongan teknikal yang mencukupi serta kurangnya latihan dalam meningkatkan kemahiran teknologi pendidikan guru. Sementara itu (Alharbi, 2013) pula mengkelaskan halangan-halangan kepada pelaksanaan teknologi maklumat dalam pendidikan kepada dua bahagian iaitu halangan luaran dan dalaman individu itu sendiri. Halangan luaran termasuklah bekalan perkakasan dan perisian serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyediaan skim-skim latihan kepada guru, manakala halangan dalaman pula merangkumi keyakinan guru, kepercayaan dan iltizam guru tersebut.

Kajian ini dijalankan kerana mengambilkira kurangnya kajian lepas mengenai tahap kesediaan guru terhadap pembelajaran maya dari segi jantina dan jenis sekolah di Malaysia. Ila Husna, (2015) telah mengkaji penggunaan VLE Frog menerusi penilaian kendiri dalam kalangan guru-guru matematik di sekitar Perak menggunakan model konteks, input, proses dan produk (CIPP). Kajian mendapati penilaian kendiri guru dalam konteks, input, proses dan produk masih kurang memuaskan. Sementara itu dalam kajian Rosmaini Mahmud (2006) terhadap guru-guru di Perlis, Perak, Pahang dan Johor, aspek yang dikaji ialah kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi maklumat yang terdiri daripada perisian *Microsoft Office Word* (pemprosesan perkataan), *Excel* (lembaran kerja) dan *Powerpoint* (pembentangan). Beliau mendapati guru mempunyai sikap positif terhadap teknologi maklumat namun tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang kukuh mengenainya. Kajian tersebut juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran dan sikap serta pencapaian guru-guru tersebut. Dalam kajian oleh Destiana, Salman, Helmi 1.& Rahim (2013) menekankan kepada penerimaan pelajar terhadap penggunaan media sosial sebagai salah satu bentuk pembelajaran maya. Kajian ini mendapati penerimaan media sosial dipengaruhi oleh faktor mudah guna, faktor kaitan dalam kehidupan dan faktor rangkaian antara peribadi dan sosial.

Di dalam daerah Kuala Selangor terdapat keseluruhannya 70 sekolah rendah. Dengan sebanyak 37 buah dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil masing-masing 12 dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

21 buah. Sepanjang 6 bulan pertama tahun 2018 mencatatkan log masuk ke applikasi VLE Frog oleh pelajar sebanyak 70 peratus dan log masuk oleh guru hanya 30 peratus. Pada Januari 2018, mencatatkan 23 buah sekolah rendah gagal mencapai KPI log masuk oleh pelajar .Bilangan ini walau bagaimanapun tidak konsisten sepanjang enam bulan pertama 2018. Kegagalan pelajar mencapai KPI log masuk ke dalam aplikasi ini dikatakan berkait dengan kegagalan guru untuk mengaplikasikan VLE Frog dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP) mereka. Daerah Kuala Selangor pula mencatatkan kedudukan ketiga tercorot dalam aras penggunaan VLE Frog dalam kalangan guru dan murid pada 2016 (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2017). Justeru terbit persoalan adakah guru-guru bersedia untuk menggunakan aplikasi pembelajaran maya ini dalam PDP?. Apakah pula faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru-guru ini dalam penggunaan VLE Frog. Model Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT) oleh Venkatesh et.al (2003) telah digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan teknologi di kalangan guru-guru ini. Model ini telah mengambilkira lapan teori penerimaan teknologi dan telah mengenalpasti empat pembolehubah yang utama yang mempengaruhi kesediaan terhadap penerimaan teknologi dalam kalangan individu. (Venkatesh et al 2003). Pembolehubah tersebut adalah Jangkaan Prestasi; sejauh mana penggunaan teknologi berguna untuk meningkatkan prestasi dan persembahan guru, Jangkaan Usaha; tentang bagaimana teknologi mudah digunakan dan mengurangkan beban kerja guru, Pengaruh Sosial; menunjukkan pengaruh sosial seperti guru-guru, pentadbir dan pelajar dalam mempengaruhi penerimaan teknologi serta Keadaan Kemudahan; mengenai sokongan dari organisasi, teknikal dan kemudahan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah rendah daerah Kuala Selangor berdasarkan infrastruktur dalam mengendalikan teknologi tersebut (Hsu, 2012). Teori ini digunakan kerana ia suatu teori yang sederhana dan tidak terlalu kompleks tetapi menyeluruh, komprehensif dan praktikal (Mohd Khalit 2016).

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji aspek berikut:

a) Mengenal pasti tahap kesediaan faktor:

i. Jangkaan Prestasi
ii. Jangkaan Usaha
iii. Pengaruh Sosial
iv. Keadaan Kemudahan

b) Mengenalpasti hubungan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan.

c) Mengenalpasti hubungan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan berdasarkan jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) Mengenalpasti hubungan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan berdasarkan jenis sekolah.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan kajian seperti berikut:

a) Apakah tahap kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru sekolah rendah daerah Kuala Selangor berdasarkan faktor-faktor berikut:

v. faktor Jangkaan Prestasi

vi. faktor Jangkaan Usaha

vii. faktor Pengaruh Sosial

viii. faktor Keadaan Kemudahan

b) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan?

c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan berdasarkan jantina?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan berdasarkan jenis sekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

Sebagai menjawab persoalan kajian kedua hingga keempat, hipotesis kajian dibina sepeti berikut:

H1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H1.1 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru lelaki

H1.2 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru perempuan

H1.3 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan

H1.4 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

H1.5 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha

H2.1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru lelaki

H2.2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru perempuan

H2.3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan

H2.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha di kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

H2.5: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha di kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh social

H3.1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru lelaki

H3.2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru perempuan

H3.3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru sekolah kebangsaan

H3.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Cina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H3.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Tamil

H4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan

H4.1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru lelaki

H4.2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan factor kemudahan dalam kalangan guru perempuan

H4.3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan

H4.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan factor kemudahan dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

H4.5: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tami

1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini dilihat sangat penting dalam membantu pihak-pihak berikut:

1.7.1 Kepada pihak penyedia dasar sebagai maklum balas keberhasilan dasar

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan pelaksanaan VLE Frog dalam kalangan guru-guru dalam dua kategori sekolah di Kuala Selangor. Hasil kajian juga akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat mengenalpasti sama ada pembolehubah-pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesediaan guru-guru dalam penggunaan pembelajaran maya. Kajian ini penting kepada pembuat dasar agar ia dapat menjadi satu maklum balas kepada pelaksanaan dasar diperingkat sekolah. Maklum balas ini adalah perlu agar masalah-masalah dalam pelaksanaannya dapat dikenalpasti dan penambahbaikan dapat dilakukan segera.

1.7.2 Kepada guru supaya dapat membuat hubungkait dengan pencapaian akademik pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini tidak menjurus secara langsung kepada hubungan dengan keputusan akademik pelajar. Namun dapatan kajian tahap pelaksanaan pembelajaran maya ini dapat digunakan oleh guru-guru untuk menilai sendiri pencapaian dan kehendak pelajar dalam pembelajaran serta membuat analisis keperluan pelajar bimbingan mereka agar mereka dapat merancang PDP yang lebih sesuai dengan keperluan pelajar. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka minda guru-guru untuk melihat secara positif peranan e-pembelajaran ini yang sebenarnya banyak membantu menyenangkan guru–guru terutamanya dalam menilai dan membuat analisis pencapaian pelajar. Guru tidak perlu lagi menanda kertas ujian kerana sistem sokongan VLE akan menandakan dan mengirakan markah bagi pihak guru-guru. Guru sesama guru juga akan lebih bersikap saling membantu dan saling menyokong sesama mereka dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Mengenalpasti masalah dan penyelesaian

Kajian ini penting kepada pihak yang berkepentingan sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan guru-guru terbabit. Pihak yang bertanggung jawab patut meneliti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru-guru ini. Analisis keperluan perlu dibuat untuk mengkaji apakah bentuk-bentuk sokongan yang mereka perlukan agar pelaksanaan pembelajaran maya dapat dijalankan dengan berkualiti dan sekaligus memastikan objektifnya dapat dicapai dengan jayanya.

1.7.4 Kepentingan kepada pihak luar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pihak luar seperti penerbit buku dan pengeluar bahan-bahan bantu mengajar boleh mengambil peluang dari dapatan kajian untuk menilai apakah keperluan guru-guru dalam PDP yang boleh ditampung oleh mereka. Begitu juga kepada penyedia akses internet dan pembekal alat-alat teknologi kerana ini adalah keperluan asas yang perlu ada sebelum pembelajaran maya dapat dijalankan sepenuhnya.

Ibu bapa juga boleh memainkan peranan untuk membantu guru-guru dan pihak sekolah amnya dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai kepada anak-anak di rumah selaras dengan kehendak pendidikan abad ke 21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.5 Kepentingan kepada bidang sosiologi pendidikan

Kajian ini juga menyediakan input yang signifikan dengan sosiologi pendidikan. Kajian tentang peranan pihak-pihak tertentu dalam pelaksanaan teknologi pembelajaran maya di sekolah adalah berkait rapat dengan teori Fungsionalisme manakala dua pembolehubah yang dikaji iaitu Faktor Pengaruh Sosial dan Factor Kemudahan juga berkait rapat dengan punca berlakunya konflik dalam kalangan guru-guru. Seterusnya akan dibincangkan dalam bab akhir tentang bagaimana seharusnya konflik ini ditangani agar guru-guru lebih bersedia dan bermotivasi dalam menjalankan PDP mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada sekolah-sekolah dalam daerah Kuala Selangor sahaja. Sebanyak 70 buah sekolah rendah dan menengah dalam kuala Selangor dengan bilangan guru sebanyak 750 orang. Dapatan kajian hanya menunjukkan tahap pelaksanaan VLE Frog dalam situasi persekitaran sekolah dalam daerah ini sahaja maka hasil kajian tidak sesuai untuk digeneralisasikan . Untuk itu pengkaji mencadangkan agar kajian lebih menyeluruh kepada negeri Selangor dan Malaysia dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Pengkaji juga mengalami masalah dalam menentukan lokasi kajian kerana terdapat juga sekolah SK dan SJK yang berstatus luar bandar tetapi berada di lokasi bersempadan bandar besar seperti Shah Alam . Begitu juga masalah lokasi sekolah SJK Tamil yang kebanyakannya berada di dalam kawasan ladang-ladang kelapa sawit. Ini menjadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbandingan antara sekolah menjadi agak tidak setara. Masalah ini diatasi dengan mengambikira lokasi berdasarkan gred sekolah yang telah ditetapkan oleh KPM iaitu Gred A untuk sekolah Bandar dan B untuk luar bandar. Diharapkan pada masa akan datang kajian perbandingan tahap pelaksanaan pembelajaran maya ini dapat dijalankan menggunakan spefikasi bandar dan luar bandar yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Begitu juga perbandingan antara SK dan SJK, ini dilakukan dengan mengambilkira kekuatan akses mereka kepada internet tanpa mengambilkira lokasi dan jenis sekolah.


1.9 Kerangka Konseptual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini adalah bersandarkan kepada model UTAUT (Venkatesh et al,2003) yang mengambilkira pembolehubah-pembolehubahnya ialah Jangkaan Prestasi iaitu darjah kepercayaan individu terhadap penggunaan sesuatu sistem yang berguna dan mampu meningkatkan prestasi kerja mereka, Jangkaan Usaha yang menerangkan darjah kemudahan yang akan diperolehi individu dengan penggunaan teknologi tersebut. Faktor Pengaruh Sosial pula ialah darjah kepercayaan individu terhadap pandangan orang lain tentang penggunaan teknologi mereka serta Faktor Kemudahan iaitu individu percaya kemudahan dan sokongan teknikal, organisasi dan infrastruktur mempengaruhi penerimaan mereka terhadap teknologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1.: Model UTAUT (Venkatesh, 2003)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model ini menjelaskan, faktor seperti Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha dan Pengaruh Sosial mempengaruhi niat individu untuk menggunakan teknologi. Niat ini pula apabila dipengaruhi oleh keadaan kemudahan, ia seterusnya akan mempengaruhi tingkahlaku individu untuk melakukan sesuatu tindakan. Selain itu beberapa moderator seperti jantina, umur, pengalaman individu serta keadaan sukarela mereka dalam menggunakan sesuatu sistem itu juga menjadi faktor terhadap peggunaan sesuatu sistem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala kerangka konseptual dalam kajian ini adalah seperti berikut:



Rajah 1.2.: Kerangka konseptual kajian ini diubahsuai dari Model UTAUT (Venkatesh,2003)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka ini menjelaskan bahawa kajian ini adalah untuk menyiasat tahap kesediaan guru-guru dalam melaksanakan pembelajaran maya dalam PDP mereka berdasarkan faktor seperti Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan serta hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut dengan kesediaan berdasarkan aspek jantina dan jenis sekolah.

Hipotesis yang dibina adalah seperti berikut:

H1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi

H1.1 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru lelaki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H1.2 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru perempuan

H1.3 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan

H1.4 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

H1.5 Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan prestasi dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

H2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha

H2.1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru lelaki

H2.2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru perempuan

H2.3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan

H2.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

H2.5: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan jangkaan usaha dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial

H3.1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru lelaki

H3.2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru perempuan

H3.3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan

H3.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

H3.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan pengaruh sosial dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan

H4.1: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru lelaki

H4.2: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru perempuan

H4.3: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan

H4.4: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

H4.5: Terdapat hubungkait positif antara kesediaan dan faktor kemudahan dalam kalangan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasi

Dalam bahagian ini akan menjelaskan definisi operasi beberapa istilah yang digunapakai dalam kajian ini. Antaranya ialah:

1.10.1 Pembelajaran Maya

Dari segi bahasa, maya bermaksud bayangan atau khayalan (Kamus Oxford Fajar 2005, mukasurat 506). Persekitaran pembelajaran maya (*Virtual learning Environment-VLE*) bermaksud suatu landasan program yang berasaskan web dan direka untuk memudahkan guru-guru dalam melaksanakan pembelajaran secara maya kepada pelajar-pelajar. VLE secara keseluruhannya terdiri dari aplikasi komunikasi ruang forum, sudut perbincangan serta paparan untuk matapelajaran di sekolah. Terdapat juga sudut permainan akademik dan kuiz untuk disertai pelajar (Mahizer & Mohd Azli, 2016). Dalam kajian ini, pembelajaran maya merujuk kepada penggunaan VLE Frog dalam PDP di sekolah.

1.10.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Model Penerimaan Teknologi (Davis,1989) menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan serta penggunaan teknologi maklumat. Teori ini cuba memahami apakah yang menyebabkan seseorang individu mengambil keputusan untuk menerima dan menggunakan teknologi tersebut. Dua faktor utama yang menjadi alasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada penerimaan teknologi yang di rumuskan oleh Davis ialah yang pertama faktor mudah guna yang bermaksud sejauh mana individu merasakan sesuatu sistem tertentu senang difahami dan mudah digunakan serta senang dipelajari (Davis, 1989) dan yang kedua ialah faktor manfaat teknologi yang merujuk kepada kepercayaan individu terhadap sejauh mana sesuatu sistem itu dapat membantu meningkatkan prestasi kerja dan memanfaatkan penggunanya.

1.10.3 Model UTAUT

Model UTAUT atau Unified Theory of the Acceptance and Use of Technology pula diasaskan oleh Venkatesh dan rakan-rakan yang memurnikan lagi model TAM dengan mengambilkira lapan teori penerimaan individu terhadap teknologi (Tan, 2013). Teori-teori tersebut adalah Teori Sebab-Tindakan, Model Penerimaan Teknologi, Model Motivasi, Teori Uraian Tingkahlaku Dirancang, Gabungan TAM dan Teori Sebab-Tindakan, Model Penggunaan PC, Teori Penyebaran Inovasi dan Teori Kognitif Sosial (Mohd Khalit 2016). Dalam kajian ini, keempat-empat faktor utama yang menjadi penentu tingkahlaku penggunaan teknologi yang diasaskan oleh UTAUT akan digunakan iaitu faktor Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Memudahkan (Mohd Khalit,2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.4 Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK)

Kamus Dewan edisi keempat mukasurat 1630 menakrifkan teknologi sebagai aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan untuk tujuan praktis dalam industri, manakalan maklumat bermaksud pemberitahuan atau pengumuman, sementara komunikasi bermaksud perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan media (m.s 812). Secara amnya teknologi maklumat ditakrifkan sebagai teknologi komputer yang merangkumi semua jenis teknologi yang digunakan untuk mengumpul, menyimpan dan memanipulasikan komunikasi maklumat. Disesetengah tempat, *Information Technologi* (IT) sahaja digunakan (Kassim Abbas, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Kesimpulan

Pada dasarnya pembelajaran maya diperkenalkan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran agar lebih inovatif, menarik dan berbeza dari pendekatan PDP secara tradisional. Berbagai aplikasi dalam program ini dijangka dapat membantu guru-guru dari segi menjimatkan masa mencari bahan-bahan pembelajaran kerana berbagai bahan tersedia di dalamnya termasuklah nota-nota pelajaran dan soalan-soalan ujian hinggalah kepada aplikasi permainan yang mengujakan pelajar. Walaubagaimanapun, penerimaan guru dalam menggunakan platform yang ada ini bakal menjadi ukuran kepada keberkesanan pelaksanaan program ini secara keseluruhannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, perbincangan adalah berkisarkan kajian-kajian lepas yang berkait dengan isu persekitaran pembelajaran maya. Sorotan kajian lepas ini juga merangkumi topik-topik seperti Teori Sosiologi Konflik, perubahan pendidikan di Malaysia, sekolah rendah di Malaysia, kesediaan guru dan model penerimaan teknologi UTAUT dalam bidang pendidikan serta bidang-bidang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Teori Sosiologi Konflik

Definisi konflik seperti yang disebut dalam Sunday & David, (2014) yang dinyatakan oleh Coser (1956) konflik ialah perebutan status, kuasa dan sumber-sumber di mana pihak-pihak yang berebut ini akan cuba menjatuhkan atau menyingkirkan pihak lawan mereka. Hansfield (1943) pula menyatakan kes kegagalan seseorang atau sekumpulan orang bekerjasama kerana ketidaksefahaman. Ia boleh menjurus ke arah bukan sahaja tidak boleh bekerjsama tetapi masing-masing akan mencuba untuk menjatuhkan pihak lain dari mencapai keinginan atau keperluan mereka.

Konflik wujud apabila berlaku ketaksamaan akses terhadap sumber-sumber yang terhad, atau peluang untuk memperolehi sumber-sumber tersebut adalah terbatas. Ini akan mewujudkan ketegangan, menjejaskan kestabilan struktur masyarakat dan seterusnya menjurus ke arah perubahan-perubahan demi mengatasi masalah tersebut (Amir Hasan Dawi 2006). Tidak ada satu pun manusia di dunia mempunyai kesamaan baik dari segi etnik, kepentingan, kemahuan, kehendak dan tujuan hidup masing-masing. Ketaksamaan inilah yang akhirnya menjurus manusia secara individu mahupun dalam masyarakat memacu perubahan-perubahan dalam struktur sosial. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Brinkerhoff dan White (1989) yang disebut dalam Amir Hasan (2006) bahawa salah satu dari andaian penting teori konflik ialah konsep dialektik; iaitu faktor utama kepada perubahan sosial ialah konflik dan bukannya evolusi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori konflik pada dasarnya diasaskan oleh Karl Marx pada awal abad ke 19. Beliau menekankan bahawa faktor asas kepada kehidupan manusia ialah ekonomi dan setiap perubahan dalam struktur sosial adalah berlandaskan faktor utama tersebut. Faktor-faktor superstruktur yang lain seperti agama, politik dan pendidikan akan berubah selaras dengan perubahan dalam perkembangan ekonomi masyakarat. Dalam menjalani kehidupan yang dipacu oleh ekonomi ini, akan timbul pelbagai pergolakan dalam persaingan ke arah merebut kekuasaan dan kepentingan masing-masing. Keadaan ketaksamaan dan perbezaan inilah yang akhirnya menyebabkan timbulnya konflik di antara kelas-kelas sosial seperti golongan pemilik harta; aristokrat, golongan pemain industri; borjouis dan seterusnya golongan yang dikatakan sering tertindas iaitu golongan pekerja; proletariat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas era Marx, teori sosiologi konflik terus berkembang dan antara tokohnya ialah Ralf Dahrendorf. Beliau telah mengembangkan lagi teori ini dengan menegaskan konflik berlaku bukan setakat dalam arena sosial berpacukan ekonomi seperti yang dimajukan Marx, tetapi mendakwa bahawa konflik berkembang melangkaui kelas dan status manusia pula. Teori Konflik sesuai menerangkan hubungan antara pemerintah dan orang yang diperintah dalam sesuatu struktur organisasi sosial (Dahrendorf, 2007). Menurut Dahrendorf, struktur masyarakat moden bukan lagi tergolong dalam tiga golongan ekonomi seperti yang diaspirasikan Marx, tetapi semakin berkembang kepada beberapa kelas lagi. Sebagai contoh kelas pekerja sahaja boleh dibahagikan pula kepada golongan mahir dan kurang mahir. Kepelbagaian dalam kelas dan status masyarakat ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan mewujudkan ideologi, keperluan dan konflik yang semakin berbeza pula (Maunah, 2015).

Sunday & David, (2014) pula menyenaraikan tahap keamatan konlik seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2.1

Jadual tahap keamatan konflik

Tahap Keganasan	***Kumpulan keamatan***	***Tahap keamatan***	***Nama Tahap keamatan***	***keterangan***
Tidak ganas	rendah	1	Konflik tersembunyi	Pihak terlibat membuat permintaan dan tuntutan
		2	Konflik nyata	Kekasaran bahasa, bertelagah dan bertikam lidah
ganas	sederhana	3	krisis	Salah satu pihak menggunakan kekerasan
		4	Krisis teruk	Kekasaran berulan-ulang
		5	peperangan	Kekasaran berulang dan dirancangyng menyebabkan kerosakan besar atau untuk tempoh yang lama.

Berdasarkan jadual di atas, mereka membahagikan konflik kepada dua kumpulan tahap keamatan iaitu rendah dan sederhana dan mereka dibahagikan pula kepada lima tahap iaitu tahap konflik tersembunyi di mana perasaan tidak puas hati disuarakan dengan baik, Seterusnya apabila berlarutan ia akan menimbulkan konflik nyata di mana mereka mula bertikam lidah dan bertelagah. Manakala konflik yang tidak diatasi dengan baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan mencetuskan krisis, seterusnya krisis yang berlarutan tidak mustahil akan menjurus kearah perselisihan yang lebih teruk dan berlakunya peperangan (Sunday & David, 2014)

Sementara itu di sekolah pula, berbagai bentuk konflik juga mungkin timbul samada dalam kalangan guru, antara guru dan pentadbir malah konflik langsung antara guru dan pembina dasar pendidikan. Suleyman Goksoy dan Turkan Argon (2016) telah menyenaraikan beberapa jenis konflik di sekolah, sebab-sebab serta kesan-kesan konflik terhadap guru-guru. Mereka mendapati konflik adalah suatu situasi negatif yang berpunca dari perbezaan pendapat dan kesukaran mencapai persetujuan.

Dalam hal perlaksanaan pembelajaran maya ini, beberapa peringkat arahan boleh berlaku. Ia bermula dari Kementerian Pendidikan sebagai penggubal dasar, seterusnya Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah sebagai perantara dan guru-guru di sekolah sebagai pelaksana. Dalam proses menyalurkan maklumat kepada guru, mungkin boleh berlaku kecairan maklumat menyebabkan maklumat yang disampaikan kurang tepat dan kurang jelas. Ini boleh menimbulkan keraguan dan salah sangka dalam kalangan guru seterusnya menimbulkan konflik sama ada secara dalaman setiap individu mahupun dizahirkan dalam kumpulan-kumpulan tertentu.Guru yang berada dalam konflik bersikap tidak responsif, membantah secara senyap atau memberi respon yang tidak sewajarnya. Kesan dari konflik ini akan menyebabkan guru-guru akan mudah kecewa, stress, resah, kurang berminat dan motivasi untuk bekerja semakin menurun malah boleh menjejaskan potensi dan reputasi mereka (Suleyman Goksoy, 2016). Tugas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetua dan pentadbir yang banyak juga menghadkan penglibatan pengetua dengan guru-guru (Mohd Izham Hamzah & Norziana Ayob, 2015), keadaan ini menyebabkan hubungan yang tegang antara pentadbir dan guru dan memudaratkan lagi konflik tersebut. Dalam kajian ini, pembolehubah ketiga dan keempat iaitu faktor Pengaruh Sosial dan Faktor Kemudahan berkait rapat dengan teori Fungsionalisme dan teori Konfllik. Pengkaji ingin melihat bagaimana pengaruh pihak-pihak tertentu serta kemudahan fizikal dan infrastruktur mempengaruhi kesediaan guru serta apakah bentuk konflik yang berlaku berhubung pelaksanaan pembelajaran maya di sekolah.

2.3 Perubahan Pendidikan di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejak akhir 1990an lagi penekanan terhadap Pendidikan abad ke-21 telah dilaksanakan diseluruh dunia dengan menerapkan peri pentingnya pendidikan berteraskan teknologi. Hyvonen dan Louise (2004) menegaskan penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah sangat penting untuk memberikan suntikan elemen yang berbeza kepada persekitaran pembelajaran masa kini. Para belia haruslah tahu menggunakan komputer untuk hidup diera teknologi maklumat (M.Coppola 2004). Ia bukan sahaja membantu dalam meningkatkan pelbagai aspek kemahiran pelajar seperti komunikasi dan bahasa malah mempengaruhi keyakinan pelajar dalam berinteraksi.

Pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai proses dan perubahan sejak dari sebelum merdeka hingga kini. Pendidikan berasaskan teknologi di Malaysia secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amnya telah dilaksanakan pada awal abad ke-21 lagi iaitu pada 2003 dimana Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan matematik Dalam Bahasa Inggeris di jalankan (Fadhili et al., 2009). Selaras dengan dasar ini, kerajaan telah menyediakan sekolah dengan peralatan ICT seperti komputer, perisian komputer, mesin pemancar LCD dan skrin paparan untuk membantu guru dalam PDP (Hazura,Hairulliza,Siti Faszillah & Zawiyah 2012). Begitu juga dengan bahan bantu mengajar seperti CD ROM yang mengandungi persembahan multimedia, koleksi permainanan interaktif, lagu, simulator dan ujian-ujian kemahiran topikal. Selain di dalam bilik darjah, guru-guru sains dan matematik juga dibekalkan dengan komputer riba untuk memudahkan mereka. Guru-guru juga dilengkapkan dengan kemahiran penggunaan alatan dan bahan sumber ini. Selain untuk memantapkan Bahasa Inggeris, PPSMI juga diharapkan mampu melahirkan pelajar berfikir kritis dan kreatif serta berdaya maju di peringkat global (Muhammad shahid et al 1995).

Di samping itu, sistem Pendidikan Abad ke-21(PAK21) juga diperkenalkan. PAK21 adalah proses pembelajaran yang berpusatkan murid, berteraskan elemen komunikasi kolaboratif, pemikiran kritis dan kreatif serta aplikasi nilai murni dan estetika. Melalui konsep pembelajaran abad ke-21, murid dapat memerhati, mendengar dan memberi maklum balas kemudian menyusun pemikiran mereka secara logik, kreatif dan kritis dan menyatakannya secara jelas dan ringkas. Seterusnya murid seharusnya dapat menyampaikan mesej secara jelas dan dapat berkomunikasi secara berkesan dalam proses menyampaikan mesej tersebut. Kemahiran berkomunikasi ini seterusnya menjadikan murid pintar dalam mengadakan aktiviti kolaboratif untuk menjana lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak idea yang berkualiti dan akhirnya hasil pembelajaran dapat diperolehi selaras dengan objektif pengajaran guru pada masa tersebut.

Selaras dengan perkembangan ini, kementerian juga telah melaksanakan Penilaian Berasaskan Sekolah PBS dimana ianya merupakan satu sistem penilaian pelajar supaya pelajar tidak hanya terikat kepada penilaian dalam peperiksaan sahaja. Kebanyakan pelajar tidak dapat menunjukkan minat dan kebolehan mereka di dalam helaian jawapan peperiksaan, tetapi agak maju jika mereka dinilai mengikut cara dan gaya yang mereka minat (Salleh, Ahmad, & Ayudin, 2009). Justeru rata-rata guru bersetuju dengan PBS, dengan diberi penambahbaikan pada beberapa sudut pelaksanaannya (Norazilawati, Noraini, Rosnidar, Abdul Talib, & Wong, 2015). Penglibatan pelajar dalam kelas dengan dibantu oleh bahan bantu mengajar yang sesuai menjamin ketrampilan pelajar secara keseluruhannya. Kini, berbagai alat dan bahan bantu mengajar digital boleh diperolehi antaranya termasuklah VLE Frog, Google Classroom dan sebagainya.

2.4 Sekolah Rendah di Malaysia

Pada zaman pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu, mereka enggan memajukan sistem pendidikan negara pada masa itu kerana bimbang rakyat terutamanya golongan Melayu akan lebih maju dan mula pandai menolak dasar pemerintahan mereka (Hussin, 1996). Namun atas desakan pentadbir-pentadbir melayu pada masa itu, pemerintah Inggeris mula membuka beberapa buah sekolah vernakular Melayu pada sekitar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pertengahan abad kesembilan belas. Vernakular adalah bermaksud sekolah yang bahasa pengantarnya ialah bahasa ibunda (Burnham, John West/O'Sullivan, 2004). Susulan dari pembukaan sekolah vernakular Melayu, kaum Cina dan India juga semakin berani dan beranggapan Inggeris telah mula terbuka dalam aspek pendidikan negara. Mereka juga perlahan-lahan telah membuka sekolah-sekolah vernakular mengikut bahasa ibunda masing-masing. Kebanyakan sekolah-sekolah Cina dibuka di kawasan-kawasan bandar manakala sekolah-sekolah vernakular Tamil pula dibuka di kawasan ladang-ladang kerana populasi mereka lebih tertumpu pada kawasan-kawasan tersebut.

Pada awal abad kesembilan belas kedatangan masyarakat Cina ke Tanah Melayu adalah dalam bilangan yang kecil sebagai peniaga dan saudagar-saudagar yang kebanyakan datang melalui negeri-negeri Selat. Semakin lama bilangan mereka yang mendiami tanah melayu semakin bertambah dan memerlukan mereka membuka sekolah sendiri. Oleh kerana itulah sekolah vernakular Cina pertama di tanah melayu dibuka di Melaka pada tahun 1816. Masyarakat Cina semakin bertambah di Tanah Melayu dan dianggarkan jumlah mereka pada 1940 ialah sekitar 2.5 juta orang. Mereka merasakan adalah penting untuk mereka menubuhkan sekolah sendiri demi mengekalkan bahasa serta kebudayaan masyarakat mereka daripada hilang di rantau orang ini. Dengan bantuan masyarakat yang kaya sekolah-sekolah Cina ditubuhkan dan menggunakan silibus yang di bawa dari Tanah Besar Cina. Pelajar belajar bahasa, kebudayaan dan tulisan cina serta belajar mengira menggunakan sempua (Noriati Abd Rashid, Boon Pong Yin, 2010)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga halnya dengan sekolah vernakular Tamil. Masyarakat India telah masuk ke Tanah Melayu secara beramai-ramai pada sekitar abad kesembilan belas untuk bekerja di ladang-ladang getah, sawit, koko dan kopi. Pada masa tersebut sekolah Tamil banyak menumpang di sekolah Free School yang kebanyakannya berada di negeri-negeri selat. Tetapi menjelang tahun 1902, hasil konferensi antara residen-residen Inggeris di Tanah Melayu, mereka membuat kesepakatan bagi mewajibkan pengusaha ladang membina sekolah vernakular Tamil di ladang-ladang jika di situ terdapat lebih dari 10 orang kanak-kanak yang layak bersekolah (Noriati Abd Rashid, Boon Pong Yin, 2010).

Kajian ini berhasrat untuk melihat perbezaan kesediaan guru di Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan secara relatif. Justeru sekolah- sekolah ini telah dipilih secara rawak mengikut peratusan jenis-jenis sekolah tersebut. Sementara responden yang dipilih adalah guru-guru berbangsa majoriti di setiap jenis sekolah tersebut untuk melihat perbezaan kesediaan pembelajaran maya dari tiga etnik yang berbeza. Pada kebiasaannya guru-guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan adalah guru-guru Melayu. Sementara di sekolah SJKC, majoriti gurunya adalah Cina dan di SJKT, kebanyakan gurunya adalah India. Begitu juga dari sudut lokasi sekolah, kebanyakan sekolah-sekolah Kebangsaan dalam daerah Kuala Selangor terletak dalam kawasan kampung-kampung dan kawasan perumahan baru, sementara sekolah Cina terletak berhampiran pekan-pekan dan sekolah-sekolah Tamil pula kebanyakannya di kawasan ladang-ladang. Justeru kajian ini juga relevan untuk melihat kesediaan guru dari sudut lokasi sekolah juga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Kajian Lepas Tentang Kesediaan Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan

Teknologi dalam pendidikan sentiasa berevolusi. Dari pembelajaran secara tradisional, kita berubah kepada pendidikan secara elektronik (e-pembelajaran) seterusnya pembelajaran secara mobil atau m-pembelajaran, dan kemudiannya menjurus kepada pembelajaran secara dalam talian atau disebut pembelajaran maya (Simeonova, Bogolyubov, Blagov, & Kharabsheh 2010). Ketiga-tiganya adalah berkait dan memerlukan asas peranti yang sama. Bezanya e-pembelajaran adalah pembelajaran menggunakan peranti samada dengan wayar atau tanpa wayar (B Madarsha, 2016). Peranti pegun seperti komputer telah digunakan secara meluas pada awal tahun 1990an. Manakala pembelajaran mobil pula menggunakan peranti pintar mudah alih seperti komputer riba dan komputer tangan. Contoh-contoh komputer tangan yang ada di pasaran seperti *ipad* dan *table*t.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar hari ini perlu mahir dengan penggunaan perkakasan ini untuk akses maklumat yang pantas dan bersifat global kerana peralatan digital dipercayai mampu mengembangkan daya fikir yang kritikal dalam kalangan pelajar (Web & Digest, 2014). Andy Arnold, Pengarah Teknologi, Bristol Tennessee City School telah membuat pra dan pasca ujian untuk menilai pencapaian pelajarnya dalam penggunaan teknologi dalam membantu meningkatkan pembelajaran mereka dan hasilnya sangat positif.

Di Malaysia, kajian penggunaan TMK sebagai bahan sumber pendidikan abad ke-21 banyak dijalankan. Antaranya ialah kajian penggunaan TMK dalam kalangan guru-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru pendidikan khas di sekitar Pulau Pinang. Dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan TMK dalam kalangan mereka masih pada tahap sederhana (Siti Badariah Mohamad, 2015). Antara kekangan kepada penggunaan TMK ini seperti dalam kajian Roskang (1999) yang disebut dalam Siti Badriah Mohamad (2015) ialah kurangnya bahan rujukan dan perisian dalam Bahasa Melayu,akibatnya kurang pendedahan kepada guru dan pelajar untuk mendalami ilmu ini.

Terdapat banyak kajian yang telah mengkaji kesediaan individu terhadap teknologi sebelum ini tetapi rata-ratanya merujuk kepada penggunaan teknologi secara umum atau memfokuskan kepada item teknologi tertentu. Seperti dalam kajian oleh Zhang, Rosales, Noboa, & Ambler (2015) telah mengkaji penerimaan guru terhadap pemilihan aplikasi mobil yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan faktor mudah guna dan faktor manfaat teknologi iaitu berdasarkan model TAM oleh Davis (2003). Hasil kajian mendapati mereka menerima aplikasi mobil berdasarkan kedua-dua faktor tersebut. Berbeza pula di Hong Kong, satu kajian tentang penerimaan sejenis model pembelajaran atas talian telah dijalankan oleh Wong (2016) . Beliau mendapati faktor mudah guna dan faktor manfaat teknologi bukanlah signifikan dalam menentukan alasan penggunaan model ini oleh guru-guru tetapi lebih kepada faktor fasiliti dan kesediaan model tersebut sendiri.

Selain mengkaji faktor terhadap penerimaan guru, kebanyakan kajian lepas tentang kesediaan juga banyak memfokuskan kepada pelajar. Martínez-Torres et al

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2008) mengkaji faktor-faktor mempengaruhi sikap pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran dalam pendidikan di makmal. Adalah mengejutkan apabila keputusan kajian mendapati pelajar-pelajar menunjukkan faktor mudah guna adalah tidak signifikan dengan penerimaan mereka terhadap e-pembelajaran. Park (2009) pula menjelaskan tentang penerimaan pelajar Korea terhadap penggunaan e-pembelajaran dalam pendidikan. Menurut Park, TAM adalah model terbaik yang boleh digunakan untuk menganalisis penerimaan individu terhadap teknologi dalam kajian penerimaan pelajar terhadap media sosial. Kajian oleh Siregar (2011) pula mendapati penerimaan pelajar terhadap media sosial bergantung rapat kepada faktor mudah guna dan faktor manfaat aplikasi-aplikasi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Model UTAUT

Berasaskan model penerimaan oleh Davis (1989) dan juga beberapa model penerimaan yang lain, Venkatesh et al (2003) telah membina satu model penerimaan teknologi yang baru yang dikenali sebagai Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). Terdapat empat konstruk utama yang dibincangkan sebagai faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi individu iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1 Faktor jangkaan Prestasi Dan Faktor Jangkaan Usaha

Kedua-dua konstruk ini telah di analisis berdasarkan teori asal Model Penerimaan Teknologi (Davis 1989). Faktor jangkaan prestasi ialah kepercayaan sejauhmana penggunaan teknologi boleh meningkatkan kualiti kerja individu manakala jangkaan usaha pula berkenaan andaian bahawa dengan penggunaan sesuatu teknologi itu dapat memudahkan kerja guru. Teo & Luan (2008) mengkaji guru-guru pelatih di Malaysia dan Singapura tentang tahap penerimaan mereka terhadap penggunaan komputer dalam pembelajaran berdasarkan faktor kegunaan dan faktor mudah guna. Kajian mendapati kedua-dua faktor tersebut adalah signifikan dalam menentukan sikap mereka terhadap penggunaan komputer. Okumuş, Lewis, Wiebe, & Hollebrands (2016) menganalisis penerimaan guru terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran matematik di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan kajian mendapati faktor-faktor kebergunaan dan mudahguna sangat signifikan dalam menentukan penerimaan guru-guru ini terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran matematik tersebut. Sementara itu, Rosnaini (2006) mengkaji penerimaan guru terhadap penggunaan teknologi maklumat. Dalam kajian ini beliau memfokuskan kepada perisian *Microsoft Office* seperti lembaran kerja, lembaran kira-kira dan helaian pembentangan. Kajian beliau merumuskan bahawa majoriti guru menunjukkan sikap positif terhadap TMK namun tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan TMK yang kukuh. Selain itu, banyak faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi dalam pendidikan disekolah. Deborah (2008 m.s 198) telah menyenaraikan faktor-faktor berikut: i) Kebolehcapaian terhadap kemudahan komputer dan peralatan teknologi yang lain. ii) Pandangan guru-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru, iii) Kemahiran teknologi guru-guru dan iv) Sokongan rakan, teknikal dan pengurusan.

Sementara dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat sama ada guru-guru di Kuala Selangor menggunakan VLE Frog kerana berasakan aplikasi ini boleh meningkatkan prestasi kerja mereka atau sebaliknya.

2.6.2 **Faktor Pengaruh Sosial**

Berdasarkan teori hierarki keperluan Maslow, pengiktirafan dan penghargaan dari orang lain adalah yang kedua tertinggi dalam keperluan seseorang individu. Dengannya manusia akan rasa lebih bersemangat dan bermotivasi untuk meneruskan kerjaya mahupun kehidupan secara general. Di sekolah, peranan pentadbir adalah sangat penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan meningkatkan motivasi guru dalam menjalani sesuatu perubahan (Zoolaiha, 2015). Antara amalan pentadbiran yang relevan ialah konsep kolaborasi dan musyawarah (Noriati Abd Rashid & Boon Pong Yin, 2010). Kolaborasi bermaksud bekerja bersama-sama orang lain demi mencapai suatu matlamat yang sama. Sementara musyawarah pula adalah sebahagian dari kolaborasi. Untuk saling berkolaborasi, semua pihak harus berbincang untuk menjana idea-idea yang kreatif. Proses ini dinamakan musyawarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara ini pula disokong oleh teori Fungsionalisme yang diasaskan oleh Comte, Spencer dan Durkheim. Teori ini menghuraikan perlakuan setiap struktur masyarakat yang menjalankan fungsinya tersendiri untuk memastikan keharmonian berterusan dalam masyarakat tersebut. Setiap struktur masyarakat ibarat satu bahagian badan yang menjalankan fungsi masing-masing. Jika satu bahagian badan gagal menjalankan fungsinya maka sistem badan akan mengalami kemerosotan. Analogi sebatang pokok juga boleh digunakan iaitu setiap bahagian seperti akar, batang, daun, pucuk dan buah pada sebatang pokok memainkan peranan tersendiri untuk memastikan sebatang pokok boleh hidup subur. Jika salah satu bahagian pincang maka sebatang pokok tidak dapat hidup dengan subur (Amir Hasan Dawi 2006)

Dalam sebuah negara, peranan ketua kerajaan dan barisan kabinet adalah amat penting untuk memastikan kelancaran pengurusan sesebuah negara. Dalam sebuah kampung, kemantapan barisan Jawantankuasa Kemajuan Kampung akan memastikan keharmonian dalam kalangan masyarakat kampung. Sementara dalam sebuah sekolah pula, peranan semua pihak dari barisan pentadbir, guru-guru, staf sokongan, ibu bapa dan para pelajar adalah penting untuk melancarkan proses penyampaian ilmu akademik dan bukan akademik. Mohd Izham hamzah dan Norziana Ayob (2015) dalam kajian mereka terhadap peranan pengetua dalam kokurikulum sekolah mendapati peranan pengetua adalah sangat penting sebagai perancang, pengelola dan pengawal dalam pelaksanaan kokurikulum. Dalam bidang akademik pula, kemahiran interpersonal guru adalah berkait rapat dengan pencapaian akademik pelajar. Ini dihuraikan oleh khalip Musa dan Hariza

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Halim (2015) dalam kajian mereka tentang hubungan interpersonal guru dengan pencapaian akademik pelajar.

Teori Konflik yang diasaskan Karl Marx ini menekankan konflik yang berlaku dalam masyarakat. Secara idealnya, setiap struktur masyarakat akan menjalankan fungsi masing-masing untuk mencapai keharmonian dan kesejahteraan. Namun bukan setiap masa fungsi sesuatu struktur berjalan lancar. Konflik akan timbul apabila akses terhadap sesuatu sumber adalah terhad, maka sukar untuk sesuatu struktur masyarakat menjalankan fungsinya dengan berkesan. Kekurangan sumber dan keterbatasan masa ini akan menyebabkan berlakunya ketegangan dan ia menjurus kearah ketidakstabilan dalam fungsi masyarakat dan seterusnya membawa kepada perilaku-perilaku yang radikal. Konflik ini akan mewujudkan persaingan untuk mendapatkan sumber seterusnya mengakibatkan berlakunya perjuangan bagi memperolehi kebaikan ekonomi atau perubahan status sosial.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil secara langsung pembolehubah dari UTAUT ini iaitu faktor Pengaruh Sosial untuk melihat sejauh manakah kesediaan guru di Kuala Selangor dalam mengaplikasikan pembelajaran maya di sekolah dipengaruhi oleh pelbagai pihak sama ada dari pihak KPM, JPN, PPD, pentadbir di sekolah mahupun rakan-rakan guru yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.3 Faktor Keadaan Kemudahan

Peranan persekitaran yang kondusif dan kemudahan pembelajaran juga dilihat sebagai aspek-aspek yang membantu melestarikan persekitaran pembelajaran di sekolah. Dalam menggalakkan e-pembelajaran, suasana dan kemudahan persekitaran adalah amat penting (Helm, Turckes, & Hinton, 2010). Di dalam kajian ini, Keadaan Kemudahan merujuk kepada organisasi, infrastruktur seperti bilik, ruang dan peralatan komputer, peranti lekap mahupun mudah alih, sambungan internet dan bahan-bahan bantu pengajaran yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan TMK (Newhouse, 2002). Dalam pembelajaran maya, Michael Barber dan Richard E. Ferdig (2012) telah menekankan peranan bukan sahaja guru tetapi juga perekabentuk perisian dan pemudahcaranya sekali. Kualiti guru serta latihan yang mencukupi juga tidak akan memberi kesan jika tidak dilengkapi dengan persekitaran, perlatan dan bahan sumber yang sesuai untuk melestarikan pembelajaran dalam persekitaran maya (Helm et al., 2010).

Alharbi (2013) telah membuat perbandingan penggunaan teknologi dalam pendidikan antara Arab Saudi dan Amerika Syarikat. Beliau mendapati di Arab Saudi akses kepada fasiliti TMK agak terhad hingga kebanyakan guru terpaksa membeli sendiri komputer riba dan pemancar LCD. Berbeza dengan di US, banyak kemudahan telah disediakan di kelas seperti komputer yang lengkap dengan perisian sepeti kamus, kalkulator, penterjemah dan teks beraudio hinggakan ke *ipad*. Deborah (2008 m.s 198) pula telah menyenaraikan faktor-faktor penggunaan teknologi. Antara faktor yang beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

senaraikan ialah kebolehcapaian terhadap kemudahan komputer dan peralatan teknologi yang lain serta sokongan teknikal dan pengurusan.

Guru perlu mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang berkaitan pendidikan, mempunyai kebolehan untuk menghasilkan inovasi dalam teknik pengajaran dan keupayaan menggalakkan penggunaan TMK dalam kelas (Nilawan, 2015). Pengajaran dan pembelajaran berasaskan konsep pendidikan secara *sembang dan tulis* iaitu di mana guru memberi penerangan sejelasnya kepada pelajar dan pelajar hanya mendengar input dari guru mungkin tidak relevan lagi pada masa sekarang kerana ilmu boleh diperolehi juga secara terbuka melalui internet dan pelbagai media sosial. Rekabentuk PAK21 yang menggalakkan penggunaan pelbagai sumber pendidikan terutamanya teknologi dan multimedia serta penerapan kemahiran komunikasi dan kolaborasi dianggap sangat penting kerana ia boleh membangunkan keupayaan penyelesaian masalah secara berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar (Wismath, 2013). Peranan guru ini walaubagaimanapun mungkin terbatas tanpa sokongan dan kemudahan persekitaran yang membina. Hal ini memerlukan guru-guru bukan sahaja perlu dilengkapi dengan persekitaran yang kondusif malah juga dengan kemahiran-kemahiran yang membantu dalam penggunaan teknologi terkini. Maka guru-guru memerlukan lebih banyak ruang-ruang latihan dalam perkhidmatan untuk membantu memudahkan mereka mendalami teknologi baru yang semakin berkembang. Kajian oleh Ninlawan (2015) mendapati terdapat hubungan yang positif antara pembangunan profesionalime guru-guru dengan pengurusan kelas menjelang abad ke-21 yang merangkumi kemahiran kreatif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

inovatif, komunikasi maklumat, kesedaran penggunaan media serta literasi komputer dan teknologi maklumat.

Selain dari latihan guru, faktor kemudahan infrastruktur juga menyumbang dalam Keadaan Kemudahan untuk guru menjalankan VLE Frog. Roskang (1999) yang disebut dalam Siti Badriah Mohamad (2015) menyatakan kurangnya sokongan teknikal, bahan rujukan dan perisian dalam Bahasa Melayu sebagai antara kekangan dalam penggunaan TMK. Kebanyakan sekolah yang berada di bandar dan pekan-pekan lebih bertuah manakala kekurangan fasiliti seperti jalan raya yang baik dan kemudahan akses internet membataskan pelaksanaan pendidikan yang lebih berkualiti di luar bandar, sama ada mereka ialah Sekolah Kebangsaan mahupun sekolah vernakular Cina dan Tamil. Dalam kajian Hazura, Hairulliza, Siti Fadzillah dan Zawiyah (2012), menunjukkan penggunaan TMK dalam kalangan pelajar luar bandar adalah pada tahap sederhana berikutan kekurangan kemudahan internet di kawasan-kawasan luar bandar.

Dalam pendidikan, pendidik berperanan selaku fasilitator untuk memastikan anak didik belajar secara aktif untuk mencapai objektif pendidikan (Sadiman, 2004). Setiap unit di sekolah memainkan peranan masing-masing bermula dari pengetua hinggalah kepada pelajar. Mohd Izham dan Norziana Ayob (2015) dalam kajian mereka terhadap peranan pengetua dalam kokurikulum sekolah mendapati peranan pengetua adalah sangat penting sebagai perancang, pengelola dan pengawal dalam pelaksanaan kokurikulum. Peranan dan sokongan pelbagai pihak ini dapat memberikan impak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sokongan teknikal dan persekitaran pembelajaran yang bagus kepada guru dan juga pelajar.

Dalam kajian ini, faktor Keadaan Kemudahan juga akan dikaji sama ada menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan guru di Kuala Selangor dalam mengaplikasikan pembelajaran maya dalam PDP mereka.

2.7 UTAUT Dalam Pelbagai Bidang

Sejak 2003, UTAUT telah digunakan secara meluas untuk menguji penerimaan individu terhadap teknologi dalam pelbagai bidang. Antaranya dalam bidang perubatan (Krueklai, Kiattisin, & Leelasantitham, 2013), (Barsaum, Berg, Hagman, & Scandurra, 2016), (Abu-Dalbouh, 2013), (Wills, El-Gayar, & Benett, 2008) dan (Ami-Narh & Williams, 2012). Dalam bidang ekonomi dan kewangan pula, beberapa kajian telah di jalankan tentang perbankan (Cheah, Teo, Ooi, & Wong, 2013) dan (Ghalandari, 2012). Beberapa kajian lain pula adalah mengenai aplikasi pembelian sacara atas talian (Yeganegi & Elias, 2016) dan (Abrahão, Moriguchi, & Andrade, 2016). Selain itu terdapat juga kajian tentang penerimaan teknologi dalam sektor awam. Antaranya (Alshehri, 2012), (Alrawashdeh, 2011), (Chen, 2014) dan (Development, Nistor, & Lerche, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 UTAUT Dalam Bidang Pendidikan

Okyere-Kwakye, Nor, & Ologbo (2016) telah menjalankan kajian mengenai kesediaan guru-guru dalam menggunakan TMK di Ghana. Pengkaji telah mengambil tiga pemboleh ubah dari UTAUT dan menambah dua lagi pembolehubah dari teori tingkah laku iaitu Keupayaan Kendiri dan Jangkaan Halangan. Keputusan kajian mendapati hanya faktor kecekapan kendiri guru tidak signifikan dengan penerimaan guru terhadap teknologi. Sementara faktor mudah guna, manfaat teknologi dan jangkaan halangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaan teknologi guru-guru di Ghana.

Dalam kajian terhadap guru-guru baru di Turki pula, (Aslan & Zhu, 2018) telah menggabungkan teori UTAUT, Teori Tingkahlaku Terancang, Model Penerimaan Teknologi dan Teori Kognitif Sosial untuk melihat penerimaan TMK dalam kalangan guru-guru baru. Pengkaji mendapati guru-guru baru di Turki boleh menggunakan aplikasi TMK yang asas dan menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan teknologi.

Berbeza dengan kajian oleh Simeonova, Bogolyubov, Blagov & Kharabsheh (2010), mereka mengkaji penerimaan pelajar universiti silang budaya terhadap aplikasi pembelajaran maya. Sampel diambil dari tiga universiti di tiga buah negara iaitu Jordan, Rusia dan Amerika Syarikat (US) dengan mengambilkira semua konstruk dalam model UTAUT dan menambah dua pembolehubah baru iaitu kecekapan kendiri dan kerisauan terhadap teknologi. Dapatan kajian silang budaya ini menunjukkan bahawa faktor kerisauan teknologi hanya berhubungan negatif dengan pelajar di Rusia sahaja manakala di Jordan dan US menunjukkan hubungan yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, kajian menggunakan UTAUT telah dijalankan di Terengganu untuk melihat kesediaan guru-guru dalam daerah Besut dalam penggunaan Smart Board, iaitu suatu teknologi baru dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak lima sekolah di Besut telah dilengkapi dengan Smart Board dan seramai 68 sampel guru yang menggunakan Smart Board telah diambil. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dalam faktor jangkaan prestasi dan keadaan kemudahan dengan penerimaan guru di sana terhadap penggunaan Smart Board.(Raman et al., 2014)

2.9 Persekitaran Pembelajaran Maya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persekitaran Pembelajaran Maya Frog Vle merupakan suatu sistem pembelajaran atas talian yang direka untuk memudahkan guru dan pelajar dalam menjalankan PDP seharian. Ia juga boleh dikatakan sebagai bilik darjah atas talian kerana menyediakan semua aspek pembelajaran dalam suatu aplikasi sahaja bermula dari bahan bantu pengajaran untuk setiap matapelajaran, permainan interaktif, tugasan rumah dan ruang sosial antara guru dan pelajar. Apa yang diperlukan adalah sebuah komputer ataupun telefon pintar. Guru boleh membawa pelajar memasuki ruang pembelajaran maya dengan menggunakan kata laluan yang disediakan. Sebaik sahaja memasuki medan utama, guru dan pelajar boleh memilih untuk menjalankan mana-mana aktiviti dengan hanya menekan ikon-ikon tertentu pada paparan yang tertera. Guru boleh menjalankan PDP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan bahan sumber yang disediakan. Kemudian mereka juga boleh memberikan kerja rumah secara atas talian kepada pelajar. Markah ujian dan peperiksaan juga boleh diberikan secara atas talian. Begitu juga jika guru perlu berkomunikasi dengan pelajar di luar waktu persekolahan, terdapat juga ruang sosial untuk memudahkan mereka berkomunikasi yang fungsinya hampir sama dengan media sosial popular yang lain. (Frog Asia 2016)

E-pembelajaran ini juga kini menjadi suatu cara yang bagus dan menyeronokkan dalam perkembangan pendidikan dunia (Martínez-Torres et al., 2008). Malaysia tidak terkecuali dalam menyusuri arus pemodenan ini. Penggunaan teknologi telah mula dilaksanakan sejak tahun 1999 lagi. Bermula 2012, VLE Frog mula diperkenalkan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Kajian penilaian kendiri serta penerimaan guru-guru terhadap teknologi dan pembelajaran maya di beberapa sekolah di Malaysia (Mahizer & Mohd Azli, 2016) mendapati VLE Frog merupakan platform terbaik dalam pelaksanaan transformasi dalam pendidikan. Penggunaan pembelajaran maya juga mampu memberi impak positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (Ila Husna, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.9.1 Paparan Antara Muka VLE Frog

VLE Frog adalah suatu sistem pembelajaran secara maya yang boleh di gunakan secara atas talian. Aplikasi ini membolehkan pelajar dan guru berkomunikasi secara dua hala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Paparan antaramuka dalam aplikasi ini juga dibina supaya mudah di fahami dan digunakan. Beikut adalah penerangan terhadap beberapa paparan dalam aplikasi ini.




Rajah 2.1. Paparan tetingkap masuk

Rajah 2.1: Pengguna perlu melayari laman web VLE Frog dipautan google dengan memasukkan alamat web yang tertentu. Kemudian pengguna perlu memasukkan nama pengguna dan kata kunci untuk mula melayari laman VLE Frog. Nama pengguna dan kata kunci diberikan oleh penyelaras VLE sekolah masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Paparan ikon-ikon utama

Rajah 2.2: setelah memasukkan nama pengguna dan kata kunci, paparan seperti ini akan kelihatan. Simbol-simbol ikon yang kelihatan dikenali sebagai *widget*. Setiap *widget* mewakili setiap fungsi yang berlainan.




*Rajah 2.3.*Paparan pautan-pautan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.3: terdapat dua antara muka utama dalam aplikasi ini iaitu web link yang mana di dalamnya terdapat pautan laman-laman yang boleh dilawati dan yang kedua ialah pautan kepada semua aplikasi yang ada dalam Laman Frog. Kedua-dua fungsi ini boleh di klik dibahagian atas sebelah kanan laman utama



*Rajah 2.4.*Paparan pilihan arahan

Rajah 2.4: Dibahagian atas sebelah kiri pula terdapat pilihan arahan yang boleh dibuat samada untuk menyemak dokumen, melawat laman-laman atau aplikasi lain.

Terdapat juga paparan sebagai ruangan untuk pentadbir sekolah memuatnaik pesanan ataupun sebarang pengumuman serta ruangan untuk guru dan murid berinteraksi. Interaksi boleh berlaku secara dua hala atau berbagai hala yang membolehkan perbincangan dan forum dilaksanakan. Aplikasi Frog ini juga dapat di akses bukan sahaja oleh guru dan pelajar malah ibu bapa juga. Mereka boleh log masuk dan memantau tugasan yang dibuat oleh anak-anak mereka. Selain itu terdapat juga paparan untuk murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meninggalkan nota pesanan untuk diri mereka sendiri. Ini membolehkan murid sentiasa terkemaskini dan peka dengan tugasan harian mereka.

2.9.2 Penetapan KPI VLE Frog

Penggunaan VLE Frog dipantau secara khusus oleh Frog Asia melalui perantara Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Setiap bulan Frog Asia akan mengemukakan jadual pencapaian KPI *(key Performance Index*) bulanan sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Jabatan Pendidikan Negeri akan menyalurkan informasi ini ke Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah untuk mereka sampaikan ke sekolah-sekolah. Penetapan KPI bulanan adalah dengan menentukan jumlah pelajar yang log masuk ke dalam aplikasi Frog bersandarkan kepada akses internet semasa di kawasan sekolah terbabit, serta bilangan murid yang terlibat pada bulan tersebut. Secara amnya, rumus pengiraan KPI adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.5. Penetapan KPI penggunaan VLE Frog oleh pelajar-pelajar di sekolah
sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi contoh KPI penggunaan VLE di sekolah A; dianggarkan murid sekolah tersebut ialah 1000 orang dan sekolah tersebut mempunyai capaian internet sekitar 15mbps, maka pemberatnya ialah 49 peratus. Jika sasaran kebangsaan pada bulan Februari ialah 1,012,500 log masuk pelajar, maka jumlah murid yang perlu log masuk seluruh Negara ialah sebnayak 1,449,991. Jumlah ini seterusnya akan dibahagi kepada nisbah sekolah-sekolah diseluruh negara untuk mendapatkan KPI bulanan bagi setiap sekolah pula. Dalam contoh sekolah A ini, KPI bagi sekolah tersebut ialah seramai 342 orang. Perbandingan antara KPI sekolah dan pencapaian log masuk menentukan samada sesebuah sekolah tersebut berada pada kadar mencapai atau tidak mencapai KPI. Sekolah–sekolah yang mencapai KPI akan menerima sijil dan penghargaan dari pihak VLE Asia (Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri,2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rashimah Abu Kassim dan Zaidatun Tasir (2017) dalam kajian mereka menekankan bahawa pembelajaran secara atas talian adalah sangat sesuai untuk meningkatkan minat pelajar. Mereka menyarankan penggunaan strategi pembelajaran kolaboratif atas talian dengan mengambilkira pendekatan konstruktivisme iaitu proses pembelajaran harus dilihat sebagai proses pemahaman dan pembinaan makna, bukannya proses menghafal fakta semata-mata. Rata-rata para guru menerima baik pelaksanaan pembelajaran teradun menggunakan VLE Frog sebagai alat pembelajaran namun kekangan dari aspek teknikal telah menggugat minat mereka untuk terus menggunakan aplikasi ini (Hamzah & Yeop, 2016). Fakta ini disokong oleh kajian Zurina Hamid dan Sanitah Mohd Yusuf(2013). Mereka mendapati masalah teknikal seperti kebolehcapaian *wi-fi* dalam linkungan 200 meter sahaja di sekolah. Jika blok-blok sekolah berada pada jarak yang agak jauh tentulah agak sukar untuk mendapatkan talian internet. Selain itu peluang setiap murid untuk menggunakan VLE Frog di sekolah juga agak terbatas kerana nisbah setiap komputer kepada jumlah pelajar yang ada sangat tinggi. Berbeza dengan kajian Hasliza, Munira, Nasri, & Mustafa,(2017), yang dijalankan secara kualitatif mendapati kekangan-kekangan seperti kurangnya inisiatif dan efikasi kendiri guru serta integriti dan sikap guru sendiri menjadi faktor yang mengekang kepada pelaksanaan VLE Frog di sekolah. Selain itu faktor seperti kekangan masa dan infrastruktur juga banyak mempengaruhinya. Dalam kajian lain pula mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran TMK dan kemudahan TMK yang ada dengan penggunaan VLE Frog dikalangan guru-guru (Razali, Bahador, & Saidon, 2016). Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini juga menemukan bahawa penggunaan VLE lebih tinggi dalam kalangan guru perempuan berbanding lelaki.

2.10 Kesimpulan

Adalah difahami bahawa teknologi maklumat, khususnya pembelajaran maya adalah semakin popular dan menjadi salah satu kaedah pembelajaran yang menyeronokkan di sekolah. Justeru guru-guru haruslah bersedia untuk menangani arus pemodenan ini. Dalam membantu kesediaan guru tersebut, sokongan dari pihak-pihak tertentu adalah sangat diperlukan untuk menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran lebih bermakna dan berjaya mencapai objektifnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kaedah-kaedah dan prosedur kajian. Bermula dengan rekabentuk kajian iaitu kajian ini berbentuk kajian kuantitatif secara tinjauan, seterusnya melihat kaedah persampelan dan pengumpulan data serta instrumen kajian. Data telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21. Soalan kajian yang pertama dianalisis menggunakan analisis deskriptif one sample T-test untuk mendapatkan tahap kesediaan guru, kemudian untuk soalan kedua, ketiga dan keempat, analisis korelasi telah dibuat untuk mencari hubungan antara jantina dan jenis sekolah dengan kesediaan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Rekabentuk Kajian

Terdapat berbagai kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan. Rekabentuk kajian terdiri dari kajian kualitatif mahupun kuantitatif dimana kajian kuantitatif adalah tentang pengumpulan dan analisis data dalam bentuk nombor sementara kajian kualitatif ialah proses pengumpulan maklumat dan analisis data secara dalam bentuk perkataan (Creswell 2009). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara kajian tinjaun untuk tujuan analisis data.

3.3 Populasi dan Sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahagian ini, akan menjelaskan jumlah populasi dan sampel yang telah digunakan dalam kajian ini.

3.3.1 Populasi Kajian

Populasi ialah ahli dalam suatu kumpulan tertentu dan merupakan jumlah keseluruhan ahli kumpulan tertentu yang terlibat dengan kajian yang akan dijalankan. Populasi boleh merangkumi saiz-saiz tertentu mahupun berdasarkan kawasan geografi tertentu (Parmjit et al. 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Bilangan guru di Kuala Selangor mengikut jenis sekolah pada 2018

Jenis Sekolah	Bilangan sekolah	Bilangan guru
Sekolah Kebangsaan	37	1829
Sekolah jenis kebangsaan cina	12	247
Sekolah jenis kebangsaan Tamil	21	290
Jumlah	**70**	**2366**

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor

Terdapat 3 jenis sekolah rendah di Kuala Selangor iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Sekolah Kebangsaan mendominasi dengan 37 buah sekolah, sekolah Tamil sebanyak 21 buah dan sekolah Cina terdiri dari 12 buah sekolah. Sekolah-sekolah ini menempatkan seramai 2366 orang guru di mana seramai 1829 orang guru di sekolah kebangsaan, 290 orang guru di SJKT dan 247 guru di SJKC. Populasi di dalam kajian ini ialah kumpulan guru yang mengajar di daerah Kuala Selangor dan populasi sasaran adalah kumpulan guru yang mengajar di sekolah rendah sahaja.

3.3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian merupakan sebahagian dari populasi yang akan dugunakan dalam kajian. Sampel akan digunakan untuk dibuat pemerhatian dan generalisasi untuk mewakili semua populasi (Parmjit et al 2006). Dalam kajian ini sampel meupakan sebahagian dari guru-guru yang mengajar di sekolah rendah dalam daerah kuala Selangor. Dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini, pengkaji ingin mendapatkan maklumbalas dari guru-guru yang mengajar di sekolah rendah dalam daerah Kuala Selangor. Kaedah persampelan rawak adalah kaedah persampelan yang paling sesuai (Creswell, 2009). Jumlah sampel kajian ditentukan berdasarkan penentuan saiz sample Krejcie & Morgan yang telah menyenaraikan saiz sample yang sesuai dengan saiz populasi kajian (Krejcie &Morgan 1970 m.s 607-610).

Jadual 3.2

Jadual penentuan jumlah sampel Kretcjie dan Morgan 1970

Total	*Sample*	*Total*	*Sample*	*Total*	*Sample*
10 ⇒	10	220 ⇒	140	1200 ⇒	291
15 ⇒	14	230 ⇒	144	1300 ⇒	297
20 ⇒	19	240 ⇒	148	1400 ⇒	302
25 ⇒	24	250 ⇒	152	1500 ⇒	306
30 ⇒	28	260 ⇒	155	1600 ⇒	310
35 ⇒	32	270 ⇒	159	1700 ⇒	313
40 ⇒	36	280 ⇒	162	1800 ⇒	317
45 ⇒	40	290 ⇒	165	1900 ⇒	320
50 ⇒	44	300 ⇒	169	2000 ⇒	322
55 ⇒	48	320 ⇒	175	2200 ⇒	327
60 ⇒	52	340 ⇒	181	2400 ⇒	331
65 ⇒	56	360 ⇒	186	2600 ⇒	335
70 ⇒	59	380 ⇒	191	2800 ⇒	338
75 ⇒	63	400 ⇒	196	3000 ⇒	341
80 ⇒	66	420 ⇒	201	3500 ⇒	346
85 ⇒	70	440 ⇒	205	4000 ⇒	351
90 ⇒	73	460 ⇒	210	4500 ⇒	354
95 ⇒	76	480 ⇒	214	5000 ⇒	357
100 ⇒	80	500 ⇒	217	6000 ⇒	361
110 ⇒	86	550 ⇒	226	7000 ⇒	364
120 ⇒	92	600 ⇒	234	8000 ⇒	367
130 ⇒	97	650 ⇒	242	9000 ⇒	368
140 ⇒	103	700 ⇒	248	10000 ⇒	370
150 ⇒	108	750 ⇒	254	15000 ⇒	375
160 ⇒	113	800 ⇒	260	20000 ⇒	377
170 ⇒	118	850 ⇒	265	30000 ⇒	379
180 ⇒	123	900 ⇒	269	40000 ⇒	380
190 ⇒	127	950 ⇒	274	50000 ⇒	381
200 ⇒	132	1000 ⇒	278	75000 ⇒	382
210 ⇒	136	1100 ⇒	285	100000 ⇒	384

Supaya kadar respon lebih sama rata antara tiga jenis sekolah rendah, seramai 320 orang guru dari sekolah SK, 150 orang guru dari SJKC dan 165 guru SJKT telah diambil sebagai sampel kajian. Jadual berikut menunjukkan taburan sampel tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Jumlah dan peratus sampel mengikut jenis sekolah

Jenis sekolah	kekerapan	peratus	Peratus kumulatif
Sekolah kebangsaan	235	73.0	73.0
Sekolah jenis kebangsaan cina	41	12.7	85.7
Sekolah jenis kebangsaan tamil	46	14.3	100.0
Jumlah	**322**	**100.0**	

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sepenuhnya untuk tujuan pengumpulan dan analisis data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Soal selidik

Soal selidik telah digunakan dalam kajian ini kerana ia lebih mudah ditadbir. Soal selidik menggunakan skala Likert dengan 1 mewakili sangat tidak setuju dan 5 mewakili sangat setuju. Skala yang paling kerap digunakan ialah Skala Likert (yang dinamakan sempena orang yang menciptanya) antara skala satu hingga lima yang mana item yang sangat dipersetujui diberikan skor lima yang menunjukkan atitud yang positif (Fraenkle&Wallen 2012).

Soal selidik ini dibina berpandukan model UTAUT oleh Venkatesh et al (2003) serta mengambil juga rujukan dari kajian lepas bertajuk Kesediaan guru terhadap Mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (Zanzali, Azlan, & Hamid,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2010) ,dari soal selidik bertajuk *The behavioral intentions of Hongkong Primary teachers in adopting educational technology* (Wong, 2016) serta dari kajian yang bertajuk Implementation of ICT Policy (Blended Learning Approach): Investigating factors of Behavioural Intention and Use Behaviour Implementation of ICT Policy (Yeop, Faiz, & Yaakob, 2019). Item soalselidik ini telah dijadikan rujukan dan diubahsuai mengikut keperluan tajuk kajian. Terdapat 2 bahagian dalam soal selidik ini iaitu :

Bahagian A: Terdapat enam soalan dalam bahagian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat demografi guru-guru.

Bahagian B: Bahagian ini adalah untuk menyiasat kesediaan guru-guru dalam penggunaan pembelajaran maya .Pada bahagian ini mengandungi empat konstruk manakala setiap konstruk mewakili kesediaan guru dalam faktor-faktor yang berlainan. Konstruk i. mewakili item berkenaan Jangkaan Prestasi, konstruk ii. Merangkumi soalan berdasarkan faktor Jangkaan Usaha, Konstruk iii. merangkumi soalan-soalan yang berkait faktor Pengaruh Sosial sementara konstruk iv. merangkumi soalan yang berkait faktor Keadaan kemudahan.

Dalam bahagian A, instrumen kajian adalah berkenaan demografi responden seperti maklumat umur, jantina, bangsa, dan jenis sekolah. Ujian deskriptif telah dilakukan untuk mengkaji jumlah guru mengikut kumpulan umur, jantina, bangsa, pengalaman mengajar dan jenis sekolah mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada Bahagian B pula menyediakan item tentang kesediaan guru terhadap penggunaan pembelajaran maya dalam pendidikan, khasnya VLE Frog.Untuk bahagian ini, item soal selidik juga di adaptasi dari soal selidik yang dibina oleh Simeonova et al (2010) yang juga diadaptasi dari model UTAUT oleh Venkatesh et al (2003).

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Dalam menyediakan instrumen kajian, semakan pakar adalah penting untuk memastikan ketepatan konstruk dan kejelasan isi kandungannya (Kline,2005). Kertas soal selidik yang telah siap dibina telah dihantar kepada pakar untuk diuji kesahannya. Untuk tujuan ini, kertas soal selidik telah dihantar kepada Pakar Pembangunan Sekolah, Pejabat Pendidikan Kuala Selangor (bidang Bahasa Melayu), Pensyarah Kanan dari Universiti Tenaga Nasional Berhad (bidang Penyelidikan) dan Peawai Teknologi Pendidikan dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (bidang Teknologi Pendidikan). Item yang telah diuji kesahahan digunakan untuk ujian pilot terhadap 26 orang guru untuk menguji kebolehpercayaan item sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

Sementara itu kebolehpercayaan instrumen merujuk kepada kestabilan dan ketekalan intrumen (Azizi Ahmad, 2010). Ini bermakna keputusan yang akan diperolehi bila seseorang itu diuiji adalah sama walaupun ia diulang uji berkali-kali. Kajian rintis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang telah ditadbir. Di samping itu ia juga perlu untuk memastikan soalan yang ditanya bakal menjawab persoalan kajian serta menggunakan terma-terma yang betul serta jelas. Creswell (2009) mencadangkan seramai 30 orang responden memadai untuk kajian rintis. Pilihan secara rawak guru-guru sekitar Kuala Selangor telah diambil untuk kajian ini sebagai responden kajian rintis. Untuk melihat liabiliti bagi semua item soal selidik, pengkaji telah menggunakan ujian Cronbach Alpha. Daripada ujian yang telah dijalankan didapati semua pembolehubah melepasi standard julat 0.7 iaitu nilai pekali menghampiri 1.0 dianggap sebagai baik dan tiada kesilapan (Parmjit, Puzziawati & Teoh Sian Hoon 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 4

Jadual ketekalan Alpha Cronbach bagi keseluruhan item

Pepembolehubah	Nilai Alpha Cronbach	Jumlah item
Kesediaan penggunaan	0.908	4
Jangkaan Usaha	0.911	4
Jangkaan Prestasi	0.929	4
Pengaruh Sosial	0.772	8
Keadaan Memudahkan	0.738	4

3.6 Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji mendapatkan surat pengesahan untuk menjalankan kajian daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Setelah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat kebenaran, pengkaji mengemukakan permohonan menjalankan kajian di premis kementerian pendidikan dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD). Seterusnya surat kebenaran dari EPRD telah dibawa ke Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan makluman seterusnya dihantar ke Pejabat Pendidikan Kuala Selangor sebelum mula masuk ke sekolah-sekolah. Secara amnya prosedur kajian adalah seperti dalam gambarajah berikut.



Rajah 3.1. Prosedur kajian

3.7 Analisis Data

Data yang diperolehi telah dijana dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21. Maklumat yang diperolehi adalah bersifat rahsia dan direkodkan sewajarnya sebelum dianalisis. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian kesahan dan kebolehpercayaan Alpha Cronbach, analisis deskriptif one sample T-Test,dan analisis korelasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kesimpulan

Latar tempat dalam kajian ini adalah daerah Kuala Selangor yang mempunyai kepadatan penduduk sederhana dan menempatkan penduduk berbilang kaum. Sekolah juga dibina untuk memenuhi kepeluan penduduk pelbagai kaum di daerah ini. Justeru kajian dijalankan untuk melihat kesediaan guru berdasarkan jenis sekolah dalam daerah ini. Model Krejie & Morgan digunakan untuk menentukan saiz sampel yang diperlukan dan soalselidik dijalankan di sekolah-sekolah sekitar Kuala Selangor. Item soalselidik telah diubahsuai dari beberapa kajian lepas untuk memenuhi keperluan kajian ini. Dapatan kajian akan dibentangkan dalam bab seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan keputusan kajian yang telah dijalankan. Dalam bab ini akan dibentangkan jumlah sampel dan jenis analisis yang digunakan bagi menjawab soalan-soalan kajian. Kajian ini telah dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru-guru dalam daerah Kuala Selangor terhadap penggunaan pembelajaran maya. Kajian ini berbentuk kajian silang untuk melihat perbezaan tahap kesediaan dalam kalangan guru-guru lelaki dan wanita serta guru-guru dari tiga jenis sekolah: Sekolah Kebangsaan, Jenis Kebangsaan Tamil Dan Cina. Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Mengenal pasti tahap kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru sekolah rendah daerah Kuala Selangor berdasarkan faktor:

1. Jangkaan Prestasi
2. Jangkaan Usaha
3. Pengaruh Sosial
4. Keadaan Kemudahan

b) Menyiasat hubungan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan

c) Menyiasat hubungan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya Dengan Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan berdasarkan jantina

d) Menyiasat hubungan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan Jangka Prestasi, Jangka Usaha, Pengaruh Sosial dan Keadaan Kemudahan berdasarkan jenis sekolah.

4.2 Analisis Soalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan kajian seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Apakah tahap kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru sekolah rendah daerah Kuala Selangor berdasarkan faktor-faktor berikut:

   i. faktor Jangkaan Prestasi
   ii. faktor Jangkaan Usaha
   iii. faktor Pengaruh Sosial
   iv. faktor Keadaan Kemudahan

b) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan?

c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan berdasarkan jantina guru?

d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan berdasarkan jenis sekolah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan-soalan kajian tersebut dianalisis menggunakan alat analisis data *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21. Untuk soalan kajian yang pertama, analisis deskriptif digunakan untuk menjawab semua sub soalan dalam soalan tersebut. Manakala untuk soalan kajian kedua, ketiga dan keempat, analisis korelasi digunakan. Jadual berikut menunjukkan soalan kajian serta analisis statistik yang digunakan.

Jadual 4.1

Soalan kajian serta analisis statistik yang digunakan.

Soalan kajian	Analisis statistik
1. Adakah tahap kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru sekolah rendah daerah Kuala Selangor berdasarkan faktor-faktor berikut: I. faktor Jangkaan Prestasi II. faktor Jangkaan Usaha III. faktor Pengaruh Sosial IV. faktor Keadaan Kemudahan	one sample T_Test
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan?	Korelasi
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan berdasarkan jantina guru?	Korelasi
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan penggunaan pembelajaran maya dengan jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan berdasarkan jenis sekolah?	Korelasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis sampel

Kretjie & Morgan (1970) telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan bagi setiap populasi kajian. Bagi populasi yang terdiri dari 2400 orang guru, 331 Sampel adalah mencukupi. Sampel yang diambil terdiri daripada 235 orang guru sekolah kebangsaan, 46 guru sekolah jenis kebangsaan tamil dan 41 guru sekolah kebangsaan cina. Sampel ini diambil berdasarkan jadual penentuan sampel Kretjie dan Morgan (1970). Bagi memenuhi keperluan persampelan dan menjawab soalan kajian, kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan. Daripada jumlah sampel 331, pengiraan untuk mendapatkan peratus sampel setiap jenis sekolah yang diperlukan telah dibuat. Pengiraan untuk penentuan nisbah setiap jenis sekolah adalah dengan membahagikan jumlah guru setiap sekolah dengan jumlah keseluruhan populasi guru dan didarabkan dengan 100 untuk mendapatkan peratus guru bagi setiap sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Analisis Demografi

Kajian ini telah dijalankan secara manual dengan pengkaji mengemukakan sendiri helaian soal selidik kepada guru-guru di sekitar Kuala Selangor. Sekolah-sekolah adalah dipilih secara rawak mengikut pecahan tiga zon dalam daerah Kuala Selangor iaitu zon Jeram, Kuala Selangor dan Tanjung Karang. Sebanyak 25 sekolah kebangsaan, 13 sekolah jenis kebangsaan tamil dan 9 sekolah jenis kebangsaan cina telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini dengan jumlah keseluruhan guru ialah 322 orang. Berikut adalah jumlah dan peratus setiap sampel mengikut jenis sekolah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Jumlah dan peratus sampel mengikut jenis sekolah

Jenis sekolah	kekerapan	peratus	Peratus kumulatif
Sekolah kebangsaan	235	73.0	85.7
Sekolah jenis kebangsaan cina	41	12.7	100.0
Sekolah jenis kebangsaan tamil	46	14.3	
Jumlah	**322**	**100.0**	

Seramai 235 orang guru sekolah kebangsaan telah mengambil bahagian sebagai responden iaitu sebanyak 73% manakala dari sekolah cina dan tamil masing-masing seramai 41 dan 46 orang iaitu sebanyak 12.7% dan 14.3%.

Jadual 4.3

Pecahan sampel mengikut Umur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Umur	Kekerapan	Peratus	Peratus kumulatif
20-30	38	11.8	11.8
31-40	163	50.6	62.4
41-50	97	30.1	92.5
51 ke atas	24	7.5	100.0
Jumlah	**322**	**100.0**	

Dari segi pecahan sampel mengikut umur pula, seramai 38 orang responden adalah berumur antara 20 hingga 30 tahun manakala majoriti responden adalah terdiri dari mereka yang berumur antara 31 dan 40 tahun. Seramai 97 orang pula berumur dalam linkungan 41 hingga 50 tahun dan responden yang berumur 51 dan ke atas pula adalah seramai 24 orang sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Taburan sampel mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus	Peratus kumulatif
Lelaki	45	14.0	14
wanita	277	86.0	100
Jumlah	**322**	**100.0**	

Di dalam kajian ini, seramai 45 orang sahaja responden terdiri daripada lelaki manakala majoriti responden iaitu seramai 277 orang adalah terdiri dari wanita. Bilangan responden wanita adalah lebih besar kerana mereka merupakan golongan majoriti disemua sekolah.

4.5 Ujian Kenormalan

Mengikut Othman Talib (2015), ujian kenormalan perlu dijalankan dalam sesuatu analisis untuk memastikan data bertabur secara normal yang bermaksud sebahagian besar data tertabur disekitar min. Untuk kajian ini kajian Kenormalan Kalmogorov dan Smirnov telah dijalankan. Berikut adalah dapatan ujian:

Jadual 4.5 Ujian Kenormalan Kalmogorov dan Smirnov

Jadual 4.5

Ujian Kenormalan Kalmogorov dan Smirnov

Faktor-faktor	Kolmogorov-Smirnov			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	p	Statistic	df	p
Jjangkaan prestasi	0.267	322	0.000	0.872	322	0.000
Jangkaan usaha	0.24	322	0.000	0.879	322	0.000
pengaruh sosial	0.265	322	0.000	0.872	322	0.000
Faktor kemudahan	0.253	322	0.000	0.874	322	0.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5 menunjukkan hasil ujian kenormalan KS dan SW. Data kenormalan untuk ujian ini dirujuk kepada kolum SW kerana bilangan sampel adalah melebihi 200. Kesemua data selanjar dari kategori kumpulan yang berbeza memenuhi syarat kenormalan kerana p>0.5. Ini bermakna skor setiap konstruk dalam kajian ini adalah bertaburan secara normal

4.6 Tahap Penerimaan Dan Kesediaan Penggunaan Pembelajaran Maya

Dalam bahagian ini, analisis dibuat untuk menjawab soalan kajian yang pertama iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Mengenal pasti tahap kesediaan pembelajaran maya dalam kalangan guru-guru sekolah rendah daerah Kuala Selangor berdasarkan faktor:
    i. faktor Jangkaan Prestasi
    ii. faktor Jangkaan Usaha
    iii. faktor Pengaruh Sosial
    iv. faktor Keadaan Kemudahan

Soalan ini ialah untuk membincangkan hasil kajian tentang tahap kesediaan guru-guru sekolah rendah di Kuala Selangor terhadap penggunaan pembelajaran maya berdasarkan empat faktor pembolehubah iaitu kesediaan guru dalam aspek faktor Jangkaan Prestasi, faktor Jangkaan Usaha, faktor Pengaruh Sosial dan faktor Kemudahan Teknologi. Tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesediaan guru dibahagikan kepada lima tahap iaitu sangat tinggi,tinggi, sederhana, rendah dan sangat rendah berdasarkan interpretasi skor min. Berikut ialah jadual interpretasi skor min bagi menentukan tahap kesediaan guru-guru di Kuala Selangor dalam menggunakan pembelajaran maya

Jadual 4.6

Interpretasi skor min dan tahap kesediaan guru dalam menggunakan pembelajaran maya

Nilai Min	Frekuensi	Interpretasi
1.00- 1.89	Sangat Rendah	Sangat tidak bersedia menggunakan PM
1.90- 2.69	Rendah	Tidak bersedia menggunakan PM
2.70- 3.49	Sederhana	Sdikit bersedia
3.50-4.29	Tinggi	Bersedia menggunakan PM
4.30- 5.00	Sangat tinggi	Sangat bersedia menggunakan PM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendididakn (2006)

4.6.1 Faktor Jangkaan Prestasi

Bagi menjawab soalan kajian yang pertama, analisis deskriptif telah digunakan untuk mencari nilai min, median dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah yang dinyatakan iaitu faktor jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Faktor pengaruh sosial dan faktor Keadaan Kemudahan.

Faktor Jangkaan prestasi atau manfaat teknologi menerangkan sejauh mana penggunaan pembelajaran maya mampu memberi manfaat dalam pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran setiap guru serta mampu meningkatkan prestasi kerja mereka. Berdasarkan skala Likert , guru membuat pilihan dari skor (1) menandakan sangat tidak setuju manakala skor (5) menunjukkan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Item-item dalam soal selidik ini telah diadaptasi dari Venkatesh (2003).Untuk bahagian ini data telah dianalisis menggunakan ujian deskriptif dan dapatan kajian telah dibentangkan dalam bentuk jadual.

Jadual 4.7 menunjukkan kekerapan penggunaan, peratus serta min dan sisihan piawai bagi item 1 hingga 5 yang di gunakan untuk menguji tahap persepsi guru terhadap faktor Jangkaan Prestasi kepada mereka.

Jadual4.7

Nilai Min dan sisihan piawai Faktor Jangkaan Prestasi

Bil	Pernyataan Jangkaan Prestasi	1 = STS		2 = TS		3 = SS		4 = S		5 = SS		min	sp
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%		
1	Saya mendapati VLE Frog sangat berguna dalam kerjaya saya	16	5.0	47	14.6	151	46.9	89	27.6	19	5.9	3.15	0.9
2	Saya boleh membina bahan sumber melalui VLE Frog	12	3.7	49	15.2	149	46.3	95	29.5	17	5.3	3.17	0.88
3	Bahan sumber uang dikemaskini pentadbir banyak membantu saya	17	5.3	60	18.6	152	47.2	86	26.7	5	1.6	3.09	1.87
4	Penggunaan VLE Frog meningkatkan keberkesanan pengajaran saya	13	4.0	59	18.3	150	46.6	86	26.7	14	4.3	3.09	0.88
5	Penggunaan VLE Frog membantu dalam peningkatan markah prestasi saya	17	5.3	59	18.3	139	43.2	101	31.4	6	1.9	3.06	0.88
	jumlah	**75**	**23.3**	**274**	**85.0**	**741**	**230.2**	**457**	**141.9**	**61**	**19**	**15.56**	**5.41**

* 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sedikit setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju
** Test value = 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis data tersebut (jadual 4.7) didapati nilai min tertinggi ialah 3.17 iaitu bagi pernyataan kedua iaitu '*saya boleh membina bahan sumber menggunakan VLE Frog'* diikuti dengan pernyataan '*saya mendapati VLE Frog sangat berguna dalam kerjaya saya'* Dapatan dari analisis ini mendapati faktor Jangkaan Prestasi adalah sederhana dengan purata min setinggi 3.17. Seterusnya Analisis *One sample T-Test* telah dibuat untuk melihat kesediaan guru dari segi peratus,signifikasi dan nilai t

Jadual 4.8

Tahap kesediaan responden berdasarkan faktor Jangkaan Prestasi

No.	A: Faktor Jangkaan Prestasi (N=322)	*M*	*SP*	*%*	*t*	*df*	*p*
1	A2 Saya boleh membina bahan sumber PDPC saya melalui VLE Frog	3.174	0.883	63.5	3.534	321	.000
2	A1 Saya mendapati VLE Frog sangat berguna dalam kerja saya	3.149	0.915	63.0	2.923	321	.002
3	A4 penggunaan VLE Frog meningkatkan keberkesanan pengajaran saya	3.090	0.883	61.8	1.830	321	.034
4	A5 Penggunaan VLE Frog membantu dalam peningkatan markah prestasi saya	3.062	0.884	61.2	1.261	321	.104
5	A3 Bahan sumber yang dikemaskini pentadbir banyak membantu saya untuk kekal terkemaskini	3.009	0.856	60.2	0.195	321	.423
	A_MeanPrestasi	**3.097**	**0.753**	**61.9**	**2.308**	**321**	**.011**

* 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sedikit setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju
** Test value = 3

Dari analisis one sample T-Test mendapati, lebih dari enam persepuluh orang responden boleh membina bahan sumber sendiri menggunakan VLE Frog (63.5%).Mereka juga mendapati PM sangat berguna dalam kerja mereka (63%), penggunaan PM mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka (61.8%) Ini dapat dijelaskan dengan ujian One sample t-test dengan nilai ujian 3,iaitu positif dan signifikan seperti dalam item-item berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. A2 Saya boleh membina bahan sumber PDP saya melalui VLE Frog (*M*=3.174, *SP*=0.883, *t*(321)=3.534, *p*=.000);

2. A1 Saya mendapati VLE Frog sangat berguna dalam kerja saya (*M*=3.149, *SP*=0.915, *t*(321)=2.923, *p*=.002); and

3. A4 penggunaan VLE Frog meningkatkan keberkesanan pengajaran saya (*M*=3.090, *SP*=0.883, *t*(321)=1.830, *p*=.034).

Namun bagi item A5 dan A3, responden merasakan penggunaan PM tidak membantu meningkatkan markah prestasi mereka, dan bahan sumber yang dikemaskini pentadbir juga tidak membantu mereka terkemaskini .Ini berpandukan keputusan negatif dan tidak signifikan seperti berikut:

1. A5 Penggunaan VLE Frog membantu dalam peningkatan markah prestasi saya (*M*=3.062, *SP*=0.884, *t*(321)=1.261, *p*=.104); dan

2. A3 Bahan sumber yang dikemaskini pentadbir banyak membantu saya untuk kekal terkemaskini (*M*=3.009, *SP*=0.856, *t*(321)=0.195, *p*=.423).

Secara keseluruhan,untuk faktor jangkaan prestasi, kesediaan guru berada pada tahap sederhana di mana kesemua penyataan adalah positif dan signifikan (*M*=3.097, SP=0.753, *t*(321)=2.308, *p*=.011) Ini menunjukkan 6 dari 10 orang guru bersetuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa mereka boleh membina bahan sumber sendiri. Mereka juga bersetuju pembelajaran maya mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar mereka. Namun mereka tidak bersetuju bahawa aplikasi ini mampu meningkatkan prestasi kerja mereka secara keseluruhannya. Mereka juga tidak bersetuju bahawa aplikasi ini telah menjadi medium perantara penting untuk pentadbir meyampaikan maklumat-maklumat terkini.

4.6.2 Faktor Jangkaan Usaha

Dalam kajian ini, faktor Jangkaan usaha atau dengan kata lain ‘ mudah digunakan’ membawa maksud sejauh mana reponden bersetuju bahawa mereka bersedia menggunakan PM disebabkan teknologi tersebut mudah digunakan dan mengurangkan beban usaha mereka dalam menyediakan bahan bantu mengajar. Responden menilai dari kadar (1) menunjukkan sangat tidak setuju manakala (5) menunjukkan sangat setuju. Terdapat 6 item dalam konstruk yang kedua ini.iaitu

1. Aplikasi PM menyediakan arahan yang jelas dan mudah diikuti
2. Paparan antara muka senang diuruskan
3. Saya senang membina soalan ujian sendiri
4. Saya mudah mengemaskini bahan bantu pembelajaran
5. Saya kerap mengemaskini bahan bantu pelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis yang telah dibuat,(jadual 4.9) didapati min tertinggi ialah 3.19 untuk pernyataan item *"Aplikasi VLE menyediakan arahan yang jelas dan mudah diikuti*" Ini diikuti dengan pernyataan "*paparan antara muka senang diuruskan*" dengan min 3.124. Skor min ini menunjukkan faktor jangkaan usaha berada pada tahap sederhana dikalangan responden.

Jadual 4.9

Nilai min dan sisihan piawai Jangkaan Usaha

Bil	Pernyataan Faktor Jangkaan Usaha	1 = STS		2 = TS		3 = SS		4 = S		5 = SS		min	sp
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%		
1	Aplikasi VLE menyediakan arahan yang jelas dan mudah diikuti	9	2.8	47	14.6	151	46.9	101	31.4	14	4.3	3.19	0.84
2	Paparan antara muka senang diuruskan	12	3.7	57	17.7	147	45.7	91	28.3	15	4.7	3.12	0.88
3	Saya senang membina soalan ujian sendiri	14	4.3	61	18.9	172	53.4	60	18.6	15	4.7	3	0.85
4	Saya mudah mengemaskini bahan bantu pembelajaran	14	4.7	72	22.4	160	49.7	60	18.6	15	4.7	2.96	0.88
5	Saya kerap mengemaskini bahan bantu pelajaran	27	8.4	97	30.1	149	46.3	43	13.4	6	1.9	2.7	0.87

Sementara itu, melalui keputusan ujian one sample T-Test yang telah dibuat,(jadual 4.10) enam dari sepuluh responden bersetuju bahawa aplikasi VLE Frog menyediakan arahan yang jelas dan mudah diikuti. Ini berdasarkan keputusan kajian seperti berikut:

B1 Aplikasi VLE Frog menyediakan arahan yang jelas dan mudah diikuti (*M*=3.199, *SP*=0.841, *t*(321)=4.239, *p*=.000);

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun responden mengatakan bahawa paparan antara muka VLE agak sukar diuruskan dan memerlukan keupayaan mental yang agak tinggi. Mereka juga tidak membina soalan ujian mereka sendiri menggunakan aplikasi iini. Lebih dari separuh responden juga tidak kerap mengemaskini bahan mengajar ke dalam VLE Frog

Jadual 4.10

Tahap kesediaan responden dan Jangkaan Usaha

No.	B: Faktor Usaha (N=322)	*M*	*SD*	*%*	*t*	*df*	*p*
1	B1 Aplikasi VLE Frog menyediakan arahan yang jelas dan mudah diikuti	3.199	0.841	64.0	4.239	321	.000
2	B2 Paparan antaramuka VLE Frog senang diuruskan dan tidak memerlukan keupayaan mental yang tinggi	3.124	0.884	62.5	2.521	321	.006
3	B3 Saya senang membina soalan ujian sendiri menggunakan VLE Frog	3.003	0.859	60.1	0.065	321	.474
4	B4 Saya mudah mengemaskini bahan bantu pembelajaran ke dalam VLE Frog	2.963	0.885	59.3	-0.755	321	.225
5	B5 Saya kerap mengemaskini bahan bantu mengajar ke dalam VLE Frog	2.702	0.871	54.0	-6.144	321	.000
	B_MeanUsaha	**2.998**	**0.757**	**60.0**	**-0.044**	**321**	**.482**

* 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sedikit setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju
** Test value = 3

Keputusan yang semuanya tidak signifikan ini telah dijelaskan dari pernyatan berikut:

1. B2 Paparan antaramuka VLE Frog senang diuruskan dan tidak memerlukan keupayaan mental yang tinggi (*M*=3.124, *SP*=0.884, *t*(321)=2.521, *p*=.006);

2. B3 Saya senang membina soalan ujian sendiri menggunakan VLE Frog (*M*=3.003, *SP*=0.859, *t*(321)=0.065**,** *p***=.**474);

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. B4 Saya mudah mengemaskini bahan bantu pembelajaran ke dalam VLE Frog (*M*=2.963, *SP*=0.885, *t*(321)=-0.755, *p*=.225); dan

4. B5 Saya kerap mengemaskini bahan bantu mengajar ke dalam VLE Frog (*M*=2.702, *SP*=0.871, *t*(321)=-6.144, *p*=.000).

Pada keseluruhannya, dalam bahagian Jangkaan Usaha, dapat dirumuskan bahawa kesediaan guru adalah pada tahap sederhana (*M*=2.998, *SP*=0.757, *t*(321)=-0.044, *p*=.482). Ini dapat disimpulkan bahawa guru bersetuju bahawa aplikasi pembelajaran maya dilihat seperti menyediakan arahan yang jelas dan mudah diikuti. Namun paparan antara muka sistem tersebut agak sukar diuruskan dan memerlukan keupayaan mental, daya usaha dan komitmen yang agak tinggi untuk menggunakannya Ekoran itu mereka tidak menggunakan aplikasi tersebut untuk urusan seperti membina soalan-soalan peperiksaan atau ujian mereka sendiri Mereka juga tidak mengemaskinikan bahan bantu mengajar mereka ke dalam aplikasi tersebut.

4.6.3 Faktor Pengaruh Sosial

Pengaruh Sosial juga boleh menjadi salah satu faktor kesediaan guru terhadap penggunaan pembelajaran maya. Untuk faktor ini, Responden menilai lapan pernyataan item menggunakan skala Likert dengan (1) menunjukkan sangat tidak setuju manakala (5) sangat setuju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis yang disediakan,(Jadual 4.11) pernyataan item *"pentadbir sekolah sangat menggalakkan penggunaan VLE Frog*" mencatat min tertinggi dengan skor 3.655 dan pernyataan "*saya menggunakan VLE atas arahan kementerian"* mencatatkan skor min kedua tertinggi iaitu 3.612. Ini menunjukkan bahawa persepsi pengaruh sosial dalam kalangan responden adalah tinggi

Jadual 4.11

Nilai min dan sisihan piawai Faktor pengaruh Sosial

Bil	Pernyataan Faktor Pengaruh Sosial	1 = STS		2 = TS		3 = SS		4 = S		5 = SS		min	sp
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%		
1	Saya menggunakan vle atas arahan kementerian	6	2	17	5.3	120	37	132	41	47	15	3.61	0.86
2	Saya guna kerana rakan lain juga menggunakannya	11	3	47	15	155	48	94	29	15	4.7	3.17	0.85
3	Pentadbir sekolah sangat menggalakkan penggunaan vle	10	3	19	5.9	91	28	154	48	48	15	3.67	0.91
4	Individu yang rapat dengan saya menggalakkan saya menggunakannya	24	8	51	16	137	43	96	30	14	4.3	3.07	0.96
5	Budaya sekolah menggalakkan penggunaanya	17	5	45	14	124	39	109	34	27	8.4	3.26	0.97
6	Kejayaan pelaksanaan oleh rakan mempengaruhi saya menggunakannya	11	3	50	16	119	37	125	39	16	5	3.26	0.97
7	Pelajar lebih berminat belajar	13	40	45	14	119	37	114	35	31	9.6	3.26	0.9
8	Pentadbir lebih tegas untuk mencapai KPI	10	3	26	8.1	102	32	147	46	37	12	3.32	0.97

Sementara itu, analisis One Sample T-Test pula (jadual 4.12) menunjukkan tujuh dari sepuluh orang responden bersetuju bahawa mereka bersedia menggunakan aplikasi ini atas arahan pentadbir dan kementerian serta banyak menggunakan VLE kerana tuntutan KPI. Rujuk jadual berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Tahap kesediaan responden berdasarkan Pengaruh Sosial

No	C: Faktor Pengaruh Sosial (N=322)	*M*	*SP*	%	*t*	*df*	*p*
1	C3 Pentadbir sekolah sangat menggalakkan penggunaan VLE Frog	3.655	0.912	73.1	12.899	321	.000
2	C1 Saya menggunakan VLE Frog atas arahan kementerian	3.612	0.866	72.2	12.684	321	.000
3	C8 Untuk mencapai KPI yang ditetapkan, pentadbir lebih tegas menggalakkan penggunaan VLE Frog	3.543	0.910	70.9	10.715	321	.000
4	C7 Pelajar lebih berminat untuk mengikuti pembelajaran menggunakan VLE Frog	3.326	0.968	66.5	6.045	321	.000
5	C6 Pelaksanaan proses pembelajaran menggunakan VLE Frog oleh rakan saya berjaya menghasilkan persekitaran pembelajaran yang menarik	3.264	0.901	65.3	5.258	321	.000
6	C5 Budaya sekolah menggalakkan penggunaan VLE Frog	3.261	0.980	65.2	4.778	321	.000
7	C2 Saya menggunakan VLE Frog kerana rakan guru lain juga menggunakannya	3.171	0.857	63.4	3.578	321	.000
8	C4 Individu yang rapat dengan saya menggalakkan saya menggunakan VLE Frog	3.078	0.962	61.6	1.448	321	.074
	C_meansosial	**3.364**	**0.694**	**67.3**	**9.400**	**321**	**.000**

* 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sedikit setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju
